

**Jilid 1
Bil. 28**



MALAYSIA

**Hari Selasa
20hb Julai, 1971**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 3299]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1971 [Ruangan 3323]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 20hb Julai, 1971

Meskuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., S.M.K. (Tumpat)
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

Yang Berhormat TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

„ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGlima ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasar Mas Hilir).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.
(Sabak Bernam).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).

Yang Berhormat RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

Yang Berhormat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

„ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

Yang Berbahagia TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

SIJIL² KEWARGANEGARAAN— JUMLAH

1. **Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan daripada jumlah sijil² kewarganegaraan yang di-beri kepada kaum² China dan India, berapa daripada-nya yang telah menyerahkan kembali kewarganegaraan-nya, ia-itu (a) China dan (b) India, untuk kembali ka-negeri² asal-nya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Hari Merdeka jumlah Sijil² Kera'ayatan yang telah di-keluarkan kepada orang² China dan India ia-lah 1,808,972 dan jumlah orang² China dan India yang telah menolak kewarganegaraan Malaysia mereke sa-hingga 31-5-1971 ia-lah 9,580.

Ada-lah dasar Kerajaan tidak memberi butir² mengikut perkauman melainkan di-dalam bidang pelaksanaan hak² istimewa.

Tidak ada kemungkinan untuk mengetahui berapa ramai di-antara mereka yang benar² telah balek ka-negeri asal masing² kerana sebab penolakan termasuk juga bagi orang² yang telah pergi ka-Singapura, atau negeri² lain sa-lain dari negeri China dan India. Sebab² penolakan termasuk juga orang² yang berkewarganegaraan dengan perjalanan undang² dan mereka tidak perlu mempunyai Sijil Warganegara atau mendaftarkan diri sa-bagai warganegara.

MEMOHON SIJIL² KEWARGA- NEGARAAN

2. **Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar ada sa-tengah² orang yang memohon sijil² kewarganegaraan ada-lah kerana hendak mendapatkan kerja di-negeri ini dan bukan kerana ta'at setia-nya hendak hidup dan mati di-negeri ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada sa-tengah² orang yang memohon Sijil Kewarganegaraan sa-mata² untuk mendapatkan kerja di-negeri ini dan bukan kerana ta'at setia-nya terhadap negara. Oleh kerana itu maka Kementerian saya meneliti dan menghalusi sa-dalam² yang boleh tiap² permohonan kewarganegaraan yang di-terima supaya mengelakkan kelulusan di-beri kepada orang yang saperti yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau Kementerian tersebut tahu ia-itu sa-tengah daripada sa-tengah mereka hendak mendapat kerja sahaja, sudah penchen balek ka-negeri dia, apa-kah tindakan Kerajaan akan ambil sa-kira-nya perkara ini berlaku berleluasan nanti?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai jawapan saya tadi ia-itu kita akan meneliti dengan sa-halus²-nya sa-belum memberi kera'ayatan kepada tiap² permohonan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-telah di-halusi dengan sa-dalam²-nya oleh Yang Berhormat Menteri, kira-nya terdapat orang yang saperti itu, apa-kah tindakan yang akan di-ambil?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak beri kera'ayatan sa-kira-nya di-dapati ada pemohon sa-macham itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika sa-kira-nya mereka telah dapat warganegara—sudah di-teliti dengan sa-halus²-nya—kemudian bekerja, mendapat penchen, balek ka-negeri asal-nya, ada-kah penchen itu tidak di-hantar ka-negeri asal-nya?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ada-lah hypothetical dan berlawanan dengan Peratoran Majlis Meshuarat 23 (1) (h).

SHARIKAT PERUMAHAN PEGAWAI² KERAJAAN BERHAD—KAMPONG TENGGU

3. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Sharikat Perumahan Kerajaan tidak dapat mengembalikan wang pendahuluan kepada ahli No. 4263 untuk lot No. 39, Kampung Tengku, walau pun pegawai yang berkenaan telah di-temui² beberapa kali; sama ada sharikat telah menyalah-gunakan wang dan sama ada Menteri akan menyiasat perkara ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, perkara mengembalikan wang pendahuluan kepada ahli² ada-lah di-bawah kuasa pentadbiran Sharikat Perumahan Pegawai² Kerajaan Berhad. Sa-kira-nya ahli No. 4263 yang berkenaan itu telah menghubongi pihak sharikat itu, tidak mendapat penjelasan yang memuaskan kenapa wang itu tidak di-kembalikan kepada-nya dan atau beliau berasa ada berlaku kechurangan maka beliau patut-lah mengemukakan laporan lengkap supaya dapat perkara ini di-siasat oleh pihak yang berkenaan. Sa-takat yang di-ketahui oleh Kementerian ini, pihak sharikat itu belum-lah lagi menyalah-gunakan wang pendahuluan itu.

PAS² MELAWAT MALAYSIA

4. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pas² untuk melawat Malaysia yang di-beri kepada orang² Asia hanya untuk masa sa-lama enam bulan sahaja sementara pas² yang di-beri kepada orang² Eropah untuk masa sa-tahun, dan sebab² perbedzaan ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, aduan Yang Berhormat itu tidak benar sama sa-kali oleh kerana tiap² permohonan untuk mendapat Pas Lawatan ka-negeri ini di-pertimbangkan berasaskan kepada keadaan pemohon² itu dan tujuan mereka datang ka-negeri ini dan bukan ka-pada asal keturunan mereka.

PEMBENAAN RUMAH²

5. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bersetuju dengan pendapat perwakilan yang melawat Singapura untuk membena rumah² yang sama seperti yang di-bena di-Republik itu yang sesuai dengan masyarakat berbilang bangsa yang ada di-negara ini, dan jika ya,

sama ada beliau berchadang untuk membena rumah² seperti rumah² di-Ranchangan Perumahan Singapura.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini tidak berbangkit langsung. Ranchangan² Rumah Awam yang di-laksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ada-lah di-maksudkan untuk semua kaum/bangsa dalam Malaysia ini.

PERUNTOKAN OCAR BAGI MURID² SEKOLAH

6. **Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa-kah peruntokan wang O.C.A.R. bagi tiap² sa-orang murid sekolah rendah dan berapa-kah pula bagi tiap² sa-orang murid sekolah menengah.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua.

(a) Peruntokan bagi Sekolah Rendah

(i) Bagi 500 orang murid² yang pertama, peruntokan-nya ia-lah \$4 sa-orang sa-tahun, terta'alok kepada peruntokan paling rendah sa-banyak \$600 sa-tahun bagi sa-sabuah sekolah.

(ii) Bagi sekolah yang mempunyai murid² lebih daripada 500 orang, peruntokan-nya ia-lah \$4 bagi sa-orang sa-tahun bagi 500 orang murid² yang pertama dan \$3.50 bagi sa-orang murid bagi jumlah yang sa-lebih-nya.

(b) Sekolah Menengah

Kadar pukol rata \$7.50 sa-saorang sa-tahun. Ini tidak termasuk peruntokan tambahan yang di-beri untuk:

(i) Pelajaran Sains ia-itu:

Tingkatan Peralehan	\$ 5.00	sa-orang
hingga Tingkatan III		sa-tahun
Tingkatan IV dan	15.00	sa-orang
Tingkatan V		sa-tahun
Tingkatan VI	30.00	sa-orang
		sa-tahun

(ii) Mata² Pelajaran Pilehan seperti:

(a) Sains Rumah Tangga/Masak Memasak/Sulam Menyulam, \$5 sa-orang sa-tahun. (Bagi murid² perempuan di-Kelas² Vokeshenal yang akan mengambil mata pelajaran Sains

Rumah Tangga di-dalam pe-pereksaan Sijil Persekolahan Vokeshenal Malaysia (Malaysian Vocational School Certificate), \$20 sa-orang sa-tahun).

(b) Seni Perusahaan, \$8 sa-orang sa-tahun (bagi murid² di-darjah² menengah rendah yang akan mengambil matapelajaran ini di-dalam SRP/LCE sahaja).

(c) Sains Pertanian, ia-itu \$5 sa-orang sa-tahun (bagi murid² Tingkatan III hingga Tingkatan V yang akan mengambil mata-pelajaran ini di-dalam pe-pereksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Persekolahan Malaysia).

(d) Mata² pelajaran Perdagangan, \$4 sa-orang dalam masa sa-tahun.

(c) *Sekolah Menengah Teknik/Vokeshenal termasuk Sekolah Menengah Atas Vokeshenal (Pertanian)*

(i) Untuk perbelanjaan menyenggara (maintenance) termasuk perbelanjaan khas untuk Sekolah: \$35 sa-orang bagi sa-tahun.

(ii) Untuk perbelanjaan matapelajaran Teknik/Vokeshenal/Pertanian (Saperti bahan² workshop) per-untukan-nya ia-lah \$35 sa-orang sa-tahun.

(iii) Untuk murid² perempuan yang mengambil matapelajaran Sains Rumah Tangga dalam Pe-pereksaan Sijil Persekolahan Vokeshenal Malaysia: \$20 sa-orang sa-tahun.

(d) *Sekolah Menengah Berasrama Penoh*

(i) Untuk perbelanjaan biasa, Tingkatan I hingga Tingkatan V, dan Tingkatan VI (Sastera) \$40 sa-orang sa-tahun Tingkatan VI (Sains) \$50 sa-orang sa-tahun.

(ii) Untuk Pelajaran Sains, Tingkatan Peralehan hingga Tingkatan III \$5 sa-orang sa-tahun, Tingkatan IV dan Tingkatan V \$15 sa-orang sa-tahun, Tingkatan VI \$30 sa-orang sa-tahun.

(iii) Wang Saku, \$10 sa-orang sa-bulan.

(iv) Wang Makan, 72½ sen sa-orang sa-hari untuk 280 hari dan tidak termasuk hari chuti sekolah.

PERUNTOKAN WANG PELAJARAN SAINS

7. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah Kementerian Pelajaran memperuntokkan wang yang berasingan untuk pelajaran sains bagi sekolah rendah dan sekolah menengah dan nyatakan berapa-kah banyak-nya bagi tiap² sa-buah sekolah rendah dan berapa banyak pula bagi tiap² sa-buah sekolah menengah.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntokan wang yang berasingan untuk Pelajaran Sains di-Sekolah Rendah. Kadar \$4 sa-orang sa-tahun itu di-anggar cukup untuk kegunaan sekolah termasuk pengajaran sains kerana sains pada perengkat ini tidak berkehendakkan radas² yang banyak dan kebanyakan daripada alat² yang di-gunakan boleh di-adakan dengan perbelanjaan yang sedikit.

Sekolah Menengah ada mendapat per-untokan yang berasingan untuk Pelajaran Sains. Kadar-nya ada-lah saperti berikut:

Tingkatan Peralehan hingga	\$ 5.00 sa-orang
Tingkatan III	sa-tahun
Tingkatan IV dan Tingkatan V	15.00 sa-orang
	sa-tahun
Tingkatan VI	30.00 sa-orang
	sa-tahun

NADZIR² SEKOLAH—BILANGAN

8. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa-kah bilangan Nadzir² Sekolah di-Malaysia Barat ini dan berapa-kah jumlah sekolah² yang mesti Nadzir² ini melawat dan nyatakan tugas² mereka.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, bilangan Nadzir² Sekolah ia-lah 38 orang.

Bilangan sekolah² yang mesti di-lawati oleh sa-saorang Nadzir itu ia-lah 3 buah sekolah dalam satu minggu. Bilangan ini tidak termasuk—

(i) "Lawatan Rombongan" ia-itu lawatan yang di-buat oleh kira² 30 orang Nadzir ka-beberapa buah sekolah dalam satu kawasan pada waktu yang sama; dan

(ii) "Lawatan Pemereksaan Penoh" ia-itu lawatan yang di-buat oleh kira² 10 orang Nadzir ka-sasabua² sekolah yang tertentu.

Antara tugas² Jema'ah Nadzir Sekolah ia-lah:

- (i) Menilai kerja² sa-sabua² sekolah.
- (ii) Menasihat sekolah² dalam hal² iktisas.
- (iii) Menilai sama ada perbekalan atau kemudahan² yang tertentu di-dalam sa-sabua² kawasan atau sa-sabua² negeri itu menchukupi dan kehendak² dan kepentingan² pendidekan bagi sa-tiap kanak².
- (iv) Memberi nasihat kepada Pehak² Berkuasa, Pengurus², Pengelola² Badan² Negeri dan lain² badan yang di-aku² dalam perkara yang berkenaan dengan pendidekan.
- (v) Memberi ma'alumat kepada Kementerian melalui Ketua Nadzir tentang keadaan sekolah².
- (vi) Merancang perkembangan pendidekan, mithal-nya menjalankan kursus², menyediakan risalah² dan perchubaa²n tempatan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar banyak sekolah² di-Kedah oleh kerana susah jalan sampai ka-sekolah, Nadzir² Bebas ini tidak melawat sekolah² itu?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada sekolah² yang tidak di-lawati oleh Nadzir², saya harap kepada Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi tahu kepada Kementerian supaya sekolah² yang tidak pernah di-lawati itu akan dapat di-lawati juga. Saya ingin memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah sekolah yang ada di-seluruh Malaysia Barat sekarang ini, ia-itu sekolah menengah ada 785 buah, sekolah rendah ada 4,365 buah. Jadi keselurohan-nya ada lebih daripada 5,000 buah sekolah dan jumlah Nadzir yang ada sekarang ia-lah 38 orang sahaja. Jadi menimbangkan banyak-nya sekolah² itu kadang² ada sekolah² yang belum sempat lagi di-lawati. Tetapi walau macham mana pun saperti yang saya katakan tadi, kalau ada sekolah yang belum lagi di-lawati, saya harap mendapat ma'aluman daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah menjadi dasar Kementerian Pelajaran bahawa Nadzir² Bebas ini di-dalam siri lawatan-nya mesti mengutamakan sekolah² di-dalam bandar lebih dahulu daripada sekolah² di-luar bandar?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah menjadi dasar Kementerian Pelajaran sa-belum sa-orang Nadzir itu melawat sa-buah sekolah, maka di-beri tahu lebih dahulu kepada sekolah yang berkenaan.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kadang² ya, dan kadang² tidak.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Kalau di-beri tahu lebih dahulu itu apa-kah muslihat-nya dan jika tidak di-beri tahu lebih dahulu itu, apa-kah tujuan-nya.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kedua²-nya ada muslihat-nya.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri berkenaan menerangkan kepada Dewan ini tentang tujuan dan muslihat itu?

Tuan Yang di-Pertua: Karang pun boleh, jumpa dengan dia di-luar sana.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam sa-panjang lawatan yang mulia Nadzir² Bebas ka-seluruh sekolah² dalam Malaysia Barat, apa-kah kelemahan² yang besar yang kerap di-dapati oleh Nadzir itu?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang lain dan saya harap mendapat notis.

Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah menjadi tugas Nadzir² itu memeriksa juga Guru² Ugama di-Sekolah² Menengah.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, minta di-ulang balek soalan itu.

Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Ada-kah menjadi tugas Nadzir tadi memeriksa pelajaran² ugama yang di-ajar oleh Guru² Ugama di-Sekolah² Menengah.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang lain.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Nadzir² Bebas menjumpai bilangan guru² di-sekolah² itu tidak menchukupi dalam masa lawatan-nya?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya sebutkan tadi salah satu daripada tugas Jema'ah Nadzir itu ada-lah untok mengetahui apa-kah kemudahan², apa-kah persediaan² yang ada di-sekolah² dan di-kawasan² itu menchukupi atau tidak. Mana yang ta' chukup itu tentu di-laporkan kepada Kementerian dan kita mengambil tindakan sa-perlu-nya.

ROMBONGAN SENIMAN/SENIWATI DARI HONGKONG

9. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar bahawa suatu rombongan mengandongi 68 orang para seniman dan seniwati dari Great Wall, Hong Kong yang melawati Malaysia baharu² ini ada-lah kominis, dan nyatakan berapa lama mereka berada di-Malaysia, pertunjukan² yang mereka mempersembahkan, jumlah wang yang di-kutip daripada pertunjukan² itu dan kepada yayasan² mana-kah wang-nya di-dermakan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa rombongan Great Wall Film Berhad, Hong Kong yang mengandongi 68 orang seniman dan seniwati melawat Malaysia baharu² ini ada-lah penyokong² China Komunis. Mereka itu telah berada di-negeri ini dari 20hb Mach hingga 9hb April. Sa-masa di-negeri ini mereka telah mempersembahkan 8 pertunjukan yang menggambarkan kebudayaan, tarian, drama dan nyanyian² China. Menurut penaja² pertunjukan itu sa-jumlah wang \$323,324 telah di-kutip. Sa-lepas di-tolak perbelanjaan sa-banyak \$223,592.41 maka baki-nya yang berjumlah \$140,881.59 akan di-berikan kepada Tabong Bantuan Benchana Negara.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Kementerian itu menyedari bila mana rombongan ini telah kembali, bahawa sa-bahagian besar ra'ayat di-Tanah Besar China mengatakan perhubungan dengan ra'ayat Malaysia telah bermula. Kira-nya perasaan ini di-timbulkan oleh ra'ayat Malaysia ada-kah menjadi satu kesalahan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tidak menjadi kesalahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di atas penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, bila-kah Kerajaan sedar bahawa rombongan yang mengandongi 68 orang seniman dan seniwati dari Great Wall Hong Kong ini ada-lah kominis?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dari mula lagi Kementerian mengetahui.

Tuan Hashim bin Gera: Jika Kerajaan benchi kepada kominis, mengapa-kah di-benarkan mereka datang melawat ka-sini, menda'ayah dan sa-bagai-nya?

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail): Tuan Yang di-Pertua, soal benchi ta' benchi ini tidak ada berbangkit. Soal itu ada-kah dia akan merosakkan ketenteraman negeri, ada-kah dia akan menyusahkan kita, atau pun ada-kah dia membuat kebaikan kepada kita. Dalam soal antara bangsa, dalam soal politik, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ketahu, soal suka ta' suka, benchi-membenchi patut ta' timbul.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pertunjukan² yang di-buat oleh rombongan ini ada mengandongi pertunjukan² yang menggambarkan kemajuan², atau pun kehebatan kominis?

Tun Dr Ismail: Sa-lagi Kerajaan Perikatan memerintah, apa yang di-sangka²kan oleh Yang Berhormat itu tidak berlaku dan tidak akan berlaku.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Would the Honourable Minister say whether the Government will welcome a cultural troupe to visit Malaysia from the People's Republic of China to pave the way for closer relationship between the two countries?

Tun Dr Ismail: It depends on the circumstances, on what purpose and whether they are of benefit to us or not.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, in view of the success of the visit of the Great Wall troupe, all the tickets were sold to full house, and in view of the fact that relationship between Malaysia and China is improving, would the Minister consider approving a second visit by this cultural delegation from the Great Wall?

Tun Dr Ismail: The Honourable Member is aware from the answer given to the House that this troupe came for a specific purpose.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah berbalek² lagi sa-kali, yang tadi pun macham itu juga bunyi-nya.

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Parti PAS Allah sahaja yang tahu.

SENIMAN/SENIWATI DARI HONG KONG—KEBENARAN

10. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa 68 orang para seniman dan seniwati dari Great Wall, Hong Kong telah mendapat kebenaran pehak² berkuasa kominis bagi menerima jemputan Malaysia. Jika benar, ada-kah Kerajaan akan meluluskan permohonan² oleh para seniman dan seniwati Malaysia untuk melawat ka-negeri China Komunis.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Speaker, jemputan 68 orang para seniman dan seniwati dari Great Wall Hong Kong telah di-buat oleh sa-buah badan persendirian dan kebenaran pehak berkuasa kominis kapada rombongan tersebut itu ada-lah soal antara pemerintah China Komunis dengan rombongan itu. Pendek kata ini ada-lah internal affairs antara rombongan tersebut dengan pehak berkuasa China Komunis. Sa-takat ini matlamat Kerajaan ia-lah menggalakkan perdagangan di-antara kedua² buah negara.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kira-nya ada permohonan daripada seniman dan seniwati kita di-Malaysia ini hendak melawat ka-Negeri China Komunis, sedia-kah Kerajaan memberikan kebenaran sa-bagai langkah yang kedua sa-lain daripada perdagangan dan perusahaan.

Tun Dr Ismail: Sabar-lah dahulu, bila ada permintaan itu, kita akan timbangkan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tahu rombongan Great Wall Sendirian Berhad ini datang ka-mari buat propaganda kominis, tidak-kah ini merbahaya kapada negeri kita? Kalau dia tunjok cultural show sahaja ta' apa-lah, tetapi ini ada-lah propaganda untuk menarek orang² di-sini menjadi kominis.

Tun Dr Ismail: Ahli Yang Berhormat yang menjadi ahli Alliance mesti yakin kapada Kerajaan Perikatan.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tadi mengikut keterangan Yang Amat Berhormat Menteri daripada keuntongan sa-banyak \$140 ribu akan di-dermakan kapada Tabong Benchana Alam, saya ingin dapat tahu derma itu sudah di-serah atau belum sa-takat ini.

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kalau duit itu sudah ada, masa-nya ta' payah-lah hendak di-beri tahu. Pendek-nya duit sudah ada.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apakah pandangan pehak Kerajaan sambutan² yang di-berikan oleh sa-tengah² ra'ayat negeri ini di-atas pertunjukan² yang di-buat oleh rombongan daripada Great Wall Film Berhad, Hong Kong ini?

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Ahli Yang Berhormat itu menyatakan apa-kah maana-nya sambutan yang di-tanya itu?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Maksud saya ia-lah sambutan² yang menyokong kapada semangat atau pun pergerakan kominis.

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bagi pehak Menteri dan banyak orang² yang lain telah melihat tayangan troupe ini dan sangat tertarek hati kapada troupe itu atas permainan-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan tertarek hati daripada Yang Amat Berhormat Menteri yang berkenaan ia-lah tentang sambutan yang menarek daripada ra'ayat Malaysia, apa yang saya minta ia-lah sambutan yang menunjukkan simpathi atau pun sokongan terhadap pergerakan atau pun semangat kominis?

KONSOL MALAYSIA DI-TAIWAN—PENUTOPAN

11. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada penutupan Konsol Malaysia di-Taiwan dan penubuhan sa-buah pejabat konsol di-Hong Kong pada masa akan datang ada-lah suatu

sharat yang di-kenakan oleh China Kominis sa-kira-nya Malaysia ingin mengadakan perhubungan² baik dengan-nya atau ada-kah ini ia-lah suatu perkembangan baharu sebelum mengiktirafkan dasar pengechualian yang di-chadangkan oleh Malaysia.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak berchadang hendak menutup Consulate kita di-Taiwan. Penubohon Surohanjaya Malaysia di-Hong Kong tidak-lah di-sebabkan oleh sharat² yang di-kenakan oleh Negeri China. Surohanjaya itu telah di-dirikan untuk menampung perniagaan dan perkara² consular Malaysia di-Hong Kong.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dengan kita menubuhkan Surohanjaya Consular di-Hong Kong tidak-kah ini terjejas hubungan antara kita dengan Taiwan.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Hong Kong negeri lain dan Taiwan negeri lain.

KILANG GARAM—PENGELUARAN

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan bilangan, tempat, modal, pengeluaran tiap² tahun dan tuan² punya kilang² garam di-negeri ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan berkenaan dengan garam dan juga soalan² tambahan berkenaan dengan perkara garam ini pada 15-7-1971 yang lepas.

PASARAN BERSAMA NEGARA² ASIA

13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada Malaysia akan bersetuju menubuhkan satu pasaran bersama bersama² Negara² Asia dalam bidang pengeluaran masing².

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah sentiasa bekerjasama dengan Negara² Asia yang lain melalui perbadanan² seperti ECAFE dan ASEAN. Walau pun pendapat untuk menubuhkan pasaran bersama bagi Negara² Asia ada-lah satu perkara yang baik, tetapi ada beberapa masaalah asasi yang perlu di-atasi terlebih dahulu. Malaysia telah sentiasa menyokong

penubohan pasaran bersama, bahkan perkara ini ada-lah sedang di-kaji oleh ECAFE dan ASEAN.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana Malaysia menyokong tentang penubohan satu pasaran bersama Negara² Asia, ini, sukachita saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang usaha² yang telah di-jalankan untuk itu oleh pihak Kerajaan Malaysia.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu faham bahasa Melayu jawapan saya tadi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Menteri yang berkenaan harus bertanggung-jawab sedikit tentang maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia memang bertanggung-jawab, tetapi dia kata patut faham bahasa yang dia chakap itu, bahasa Melayu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Terima kasih. Jadi saya mahu tahu apa-kah usaha² yang telah di-ambil bukan hanya sa-chara umum, tetapi usaha² yang telah di-ambil oleh Malaysia berhubung dengan rancangan pasaran bersama antara negara² Asia ini di-Dewan ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya katakan tadi dan tidak di-fahami oleh Ahli Yang Berhormat itu, Malaysia sedang menjalankan perundingan² mengenai perkara penubohan pasaran bersama ini di-dalam badan ECAFE dan juga ASEAN. Saya harap Yang Berhormat itu jelas akan ucapan saya ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jika demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lagi apa-kah kemajuan yang telah di-chapai?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, belum faham lagi, hendak tanya yang lain macham mana?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini maseh lagi di-dalam peringkat pengkajian. Sa-bagaimana yang saya katakan tadi penubohan pasaran bersama ini ada-lah satu perkara yang besar

dan satu perkara yang rumit serta kompleks, sebab itu perlu-lah di-kaji dengan lebih mendalam dan lebih teliti, dan jika Ahli Yang Berhormat itu faham penubuhan pasaran bersama Eropah atau pun E.E.C. itu memakan masa bertahun² untuk menubuhkan-nya dan juga soal kemasokan Britain ka-dalam E.E.C. itu juga memakan masa bertahun².

Jadi saya harap Ahli Yang Berhormat sedar akan kompleks-nya masalah² pasaran bersama ini.

KILANG² PERUSAHAAN DI-PUNYAI BUMIPUTRA

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan bilangan kilang² perusahaan di-negara ini, modal dan tempat di-tiap² negeri; berapa banyak daripada-nya di-punyai oleh Bumiputra dan modal berkaitan dengan-nya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Banchi Perusahaan Perkilangan Malaysia Barat tahun 1968, negara ini mempunyai sa-banyak 9,013 kilang perusahaan dan di-dirikan di-negeri² seperti berikut:

Negeri	Bilangan Kilang ²
Johor	1,125
Kedah	724
Kelantan	357
Melaka	412
Negeri Sembilan	409
Pahang	403
Pulau Pinang	1,351
Perak	1,693
Perlis	83
Selangor	2,118
Trengganu	288

Jumlah modal yang di-tanam ia-lah \$890,356,000. Pada tahun 1969, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah meluluskan 145 projek perkilangan dengan modal terkumpul berjumlah \$246.7 juta dan dalam tahun 1970 sa-banyak 334 projek dengan modal terkumpul berjumlah \$453.6 juta. Ma'alumat yang lengkap ka-atas penyertaan Bumiputra dalam sharikat² yang di-nyatakan itu pada masa ini tidak di-nyatakan dalam laporan Banchi Perusahaan Perkilangan itu. Walau bagaimana pun bagi sharikat² yang

di-luluskan dalam tahun 1969 dan 1970 di-wajibkan memperuntukkan di-bidang permodalan (equity participation) sa-kurang²-nya di-antara 10% hingga 20% daripada modal yang terkumpul untuk penyertaan orang² Melayu dan lain² Bumiputra.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kenapa Kerajaan tidak memperuntukkan modal Melayu di-dalam kilang² yang baharu di-buka mesti-lah lebih daripada 10 hingga 20 peratus sahaja seperti 40 atau 50 peratus.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengenakan syarat tidak kurang antara 10 dengan 20 peratus tetapi boleh lebih daripada itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ia-lah kenapa tidak di-kenakan syarat tidak kurang 40 peratus atau pun 50 peratus, bagitu.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada kala-nya kita tidak mendapat chukup modal² daripada orang² Melayu dan lain² Bumiputra. Jika sa-kira-nya kita rigid atau ketat sangat dengan syarat² yang tinggi itu, boleh jadi kilang² tidak dapat di-dirikan. Oleh sebab itu-lah kita kenakan minimum antara 10 peratus dengan 20 peratus, tetapi boleh lebih daripada itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah dengan chara ini akan mendatangkan kegagalan dalam usaha kita untuk meninggikan orang Melayu di-bidang perdagangan dan perusahaan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tidak sama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua. Langkah² Kerajaan untuk membanyakkan penyertaan orang Melayu di-dalam perusahaan ada-lah berbagai². Ini hanya satu daripada langkah² Kerajaan.

PEMBALAK² DI-PANTAI TIMOR

15. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembalak² di-Pantai Timor mengalami kesusahan untuk menghantarkan kayu² balak mereka ka-Pantai Barat kerana kekurangan 'wagon²' keretapi, jika ya, apa-kah tindakan yang akan di-ambil mengenai perkara ini, dan jika tidak, meng-apa.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada kekurangan gerabak² keretapi untuk menghantar balak² daripada Pantai Timor ka-Pantai Barat. Perkhidmatan Keretapi sa-panjang masa mengambil berat untuk menyediakan gerabak² kepada pembalak² di-Pantai Timor. Oleh kerana ada kemungkinan lebih lagi gerabak² di-kehendaki pada masa hadapan, Pentadbiran Keretapi ada membuat rancangan membeli gerabak² baharu termasuk gerabak² untuk membawa kayu balak dan ini ada-lah termasuk dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua.

LESEN TEKSI—BILANGAN

16. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan lesen teksi yang di-keluarkan kepada bekas² perajurit.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, bilangan lesen teksi atau pun kereta sewa yang di-keluarkan pada bekas Pasokan Keselamatan sa-hingga 28hb Februari, 1970 ia-lah sa-banyak 779.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Sudi-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu banyak mana permohonan yang di-buat oleh bekas² perajurit bagi mendapatkan lesen² teksi yang tersebut.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, bekas perajurit² kita menghantar permohonan-nya kita akan timbangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Maksud saya, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah banyak mana permohonan daripada bekas² perajurit ini untuk mendapatkan lesen teksi di-mana menghasilkan jumlah sa-banyak yang di-sebut itu yang di-perolehi biasa-nya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ini soal lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir begitu juga.

JURUTERA BUMIPUTRA—PELUANG KAPADA PENUNTUT²

17. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan kepada University Malaya tidak dapat mengeluarkan jurutera² Bumiputra, sama ada Universiti Kebangsaan akan membuka sa-buah Fakulti Kejuruteraan untuk memberi peluang² kepada penuntut² Bumiputra mengambil kursus kejuruteraan.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Speaker, Universiti Kebangsaan ada mempunyai rancangan hendak mengadakan Fakulti Kejuruteraan. Bila rancangan ini dapat di-jalankan belum dapat di-tetapkan lagi memandangkan kepada kekurangan tenaga pengajar di-dalam fakulti yang di-ranchangkan ini serta ketiadaan tempat dan workshop yang akan mengambil masa untuk membena-nya. Akan tetapi penubuhan fakulti ini bukan-lah di-dorongkan oleh hakikat bahawa Universiti Malaya tidak dapat mengeluarkan Jurutera² Bumiputra. Universiti Malaya telah memulakan kursus pre-Kejuruteraan atau pre-engineering mulai pada tahun ini. Tujuan kursus ini ia-lah untuk memberi peluang kepada pelajar² dari luar bandar untuk membolehkan mereka mengambil pengajian kejuruteraan. Pada tahun ini sa-ramai 35 orang pelajar telah diterima masuk, 23 daripada Malaysia Barat dan 12 orang daripada Malaysia Timor.

JURUTERA BUMIPUTRA—BILANGAN

18. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan:

(a) apa-kah tindakan² yang akan di-ambil untuk menambahkan bilangan jurutera² Bumiputra terutama sa-kali di-Jabatan Kerja Raya. Bilangan yang ada sekarang tersangat kecil, seperti berikut:

pada 1-7-59—19	Jurutera Awam	Jumlah 141
3	Jurutera Jentera	Jumlah 16
1-7-63—23	Jurutera Awam	Jumlah 178
4	Jurutera Jentera	Jumlah 18
1-1-71—30	Jurutera Awam	Jumlah 189
3	Jurutera Jentera	Jumlah 28

(b) tindakan² yang di-ambil oleh Kementerian untuk memberikan biasiswa² Jabatan Kerja Raya kepada kakitangan Jabatan ini untuk pergi melanjutkan pelajaran di-luar negeri seperti yang telah di-buat sa-belum Merdeka bila sa-bilangan besar biasiswa² diberikan tetapi malang-nya, sa-lepas Merdeka biasiswa² ini di-berhentikan.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua.

(a) Bagi tahun 1970, Kementerian ini telah memohon sa-banyak 100 bilangan biasiswa untuk Kursus² Kejuruteraan. Tujuan rancangan ini mempunyai dua maksud-nya iaitu untuk menambahkan lagi kemampuan Jabatan Kerja Raya sambil memperbaiki kedudukan orang² Melayu di-dalam Perkhidmatan² Kejuruteraan. Walau bagaimana pun oleh sebab tiada-nya bilangan² calon orang Melayu yang menchukopi chuma 24 biasiswa² sahaja yang telah di-keluarkan, di-antara-nya 20 telah di-anugerahi kepada orang² Melayu. Di-dalam tahun 1971 sa-banyak 96 biasiswa² untuk kejuruteraan telah di-minta, tetapi chuma sa-banyak 54 sahaja telah di-luluskan memandangkan kepada kekurangan bilangan calon² yang berkelayakan. Oleh sebab itu, maka Kementerian ini telah memulakan satu rancangan di-bawah mana Pembantu Teknik Melayu yang berkelayakan boleh di-hantar untuk mengikuti kursus² kejuruteraan di-bawah satu peratoran khas bagi memberi kepada mereka chuti apabila mengikuti kursus² mereka. Maksud rancangan ini ada-lah untuk menambahkan bilangan orang² Melayu yang boleh di-lateh sa-bagai jurutera² supaya di-dalam sedikit masa sahaja bilangan mereka itu boleh bertambah untuk memperbaiki kedudukan yang tidak sa-imbang di-dalam Perkhidmatan² Kejuruteraan. Pemberian biasiswa² di-bawah rancangan ini dan juga untuk menghantar calon² yang mempunyai kelulusan persekolahan tinggi sedang di-beri pertimbangan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pada masa ini.

(b) Biasiswa² Kerajaan Persekutuan, Rancangan Kolombo dan Kerajaan Negeri adalah sentiasa terbuka kepada Pembantu Teknik yang sedang berkhidmat supaya membolehkan mereka mengikuti kursus² sa-hingga mendapat siswazah² atau kelulusan profesional lain yang bersetaraf dengan ijazah.

Daripada 37 tawaran yang di-buat pada tahun 1970, 4 telah di-terima oleh Pembantu² Teknik. Pada tahun ini Kementerian saya telah mengadakan satu rancangan biasiswa khas utama-nya untuk Pembantu² Teknik. Di-bawah rancangan ini 177, di-antara-nya 50 orang Pembantu Teknik Melayu telah memohon untuk mengikuti kursus ini dan Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menguruskan perkara ini dan berusaha mendapatkan tempat² di-universiti² dan maktab² di-dalam dan luar negeri. Peratoran ini akan di-ikuti pada tahun² yang akan datang.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Dato' Yang di-Pertua, berapa tahun-kah lagi agaknya pada keyakinan Yang Berhormat Menteri dapat di-saibangkan jumlah Jurutera Bumiputra dengan yang bukan Bumiputra dalam Malaysia ini.

Tun V. T. Sambanthan: Ini hendak kira² berapa tahun. Jadi saya pun tidak tahu lagi.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Dato' Yang di-Pertua, ada-kah dengan jawapan ini berarti pihak Menteri yang berkenaan tidak membuat satu perhetongan yang tegas dalam masaalah ini.

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Menteri rakan sa-jawat saya berchakap tadi ia-lah ma'ana-nya jawapan yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu hendaklah membuat kira². Jadi kalau di-beri dia masa, dia akan memberi jawapan itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

PERUSAHAAN² GULA APONG/ GARAM APONG

19. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada Kerajaan akan menjalankan kajian mengenai kemungkinan menggalakkan perusahaan² gula apong, garam apong di-kawasan² pantai negeri Sarawak.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah pun di-jawab oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan sendiri tatkala beliau menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Pengarah Rahun anak Debak dahulu.

Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar tukil² ayer sadap (Nipah Juice) sabagai yang di-pakai oleh pekerja² gula pada masa ini nampak-nya tidak berapa bersehh dan tidak hygienic. Dapat-kah Menteri berkenaan memberi bantuan saperti kambut pelastik supaya ayer sadap itu tidak dikachau oleh semut dan tidak di-masoki hujan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan berkenaan dengan ini telah di-jawab dahulu dan saya fikir ta' payah-lah saya ulangi lagi.

HOSPITAL DI-SARATOK— MENDIRIKAN

20. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kesihatan menyatakan bila Kerajaan akan mendirikan sa-buah hospital di-Saratok untok kemudahan satu daerah yang mempunyai 35,000 penduduk.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada chadangan untok membena sa-buah hospital di-Saratok dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini. Bagaimana pun keutamaan khas akan di-berikan kepada perkhidmatan kesihatan luar bandar di-Sarawak dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Sa-buah Land Rover Ambulan akan di-tempatkan di-dispensari Saratok yang mempunyai 12 buah katil untok menghantar segera pesakit² dari Saratok sama ada ka-Sarikei atau hospital Daerah di-Simanggang.

PAKAR² PERUBATAN

21. Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan bila-kah Kerajaan akan mengambil pakar² perubatan untok berkhidmat di-daerah² luar bandar di-Sarawak supaya penduduk² negeri mendapat perkhidmatan pakar kesihatan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ya, Kementerian saya akan mengambil beberapa orang pakar² perubatan dan akan memberi khidmat mereka kepada penduduk² luar bandar. Walau bagaimana pun mereka tidak boleh di-hantar bekerja di-kawasan² luar bandar sebab² pakar² ini

terpaksa bertugas di-hospital² yang mempunyai kelengkapan yang chukop. Mereka boleh melawat kawasan² luar bandar dari sa-masa ka-samasa dan orang² luar bandar yang sakit akan di-hantar kepada pakar² perubatan yang terdapat di-hospital² tempatan pada bila² masa yang di-perlukan.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi doktor di-Lawas dan perkakas² saperti kereta sakit, travelling dispensary dan lain²?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham yang akhir sa-kali dan minta ulangan balek.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri memberi sa-orang doktor untok di-Lawas dan perkakas² saperti kereta sakit dan travelling dispensary.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan periksa dan timbangkan perkara ini kerana doktor² sekarang ini terlampau kurang, kalau ada kita akan timbangkan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa sa-bilangan besar dari pakar² perubatan dalam negara kita pada masa ini kurang bagitu seronok untok bekerja dan bertugas di-kawasan² luar bandar.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, pakar² tidak ada di-luar bandar, dia mesti ada di-hospital yang besar yang lengkap dengan perkakas alatan. Itu jawapan saya tadi, bukan tidak faham, Yang Berhormat, tidak dengar tadi.

PEJABAT² HASIL DALAM NEGERI— PEMBUKAAN

22. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Kewangan adakah Kerajaan Pusat akan membuka pejabat² Hasil Dalam Negeri di-perengkat daerah di-Sarawak bagi menolong penduduk tempatan menghantar kira² pendapatan mereka dengan betul.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada dua Pejabat Hasil Dalam

Negeri di-Sarawak. Ibu Pejabat bagi kawasan Sarawak yang bertempat di-Kuching menguruskan akaun² atau perkara² sharikat dan badan amanah manakala Chawangan Pejabat di-Sibu yang di-tubuhkan dalam tahun 1968 menguruskan akaun² atau pun perkara² orang makan gaji, perkongsian dan perniagaan kepunyaan sa-saorang. Soal membuka Chawangan² Pejabat Hasil Dalam Negeri diperengkat daerah di-Sarawak telah pun ditimbangan dengan giat. Mithal-nya, dalam tahun 1969, suatu pasokan pentaksir telah dihantar ka-Miri dan di-tempatkan di-sana untuk mengkaji kemungkinan menubuhkan suatu Chawangan Pejabat Hasil Dalam Negeri di-sana. Akan tetapi di-dapati bahawa jumlah yang datang ka-pejabat itu terlalu sedikit dan sambutan daripada penduduk² di-situ tidak mencukupi untuk membenarkan penubuhan suatu chawangan di-tempat itu. Tambahan pula, jumlah perkara orang² makan gaji dan perniagaan yang boleh diuruskan oleh suatu Chawangan Pejabat yang khas di-Miri terlalu kecil. Oleh yang demikian ada-lah di-fikirkan bahawa menubuhkan sa-suatu chawangan di-Miri pada masa ini tidak chemat dan tidak sesuai. Sunggoh pun begitu keadaan-nya akan di-kaji sa-mula dalam tahun 1972 atau 1973.

Tuan Hussain bin Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa-kah sa-hingga ka-masa ini maseh banyak negeri² yang tidak mempunyai Pejabat² Hasil Dalam Negeri di-Malaysia?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang di-hadapan kita ia-lah berkenaan dengan di-Sarawak dan bukan di-negeri² yang lain.

WAKIL² PERNIAGAAN—BILANGAN

23. Dato' James Wong Kim Min minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan berapa-kah bilangan Wakil² Perniagaan dan Perdagangan Malaysia di-Kedutaan² kita di-luar negeri.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada 12 orang Pesurohjaya² Perdagangan Malaysia di-luar negeri. Hanya 6 di-tempatkan bersama² dengan Kedutaan kita di-London, Moscow, Bonn, Paris, Tokyo dan Djakarta. 6 orang

lagi Pesurohjaya Perdagangan itu di-tempatkan di-New York, Brussels, Vienna, Beirut, Nairobi dan Sydney.

Dato' James Wong Kim Min: Mr Speaker, can the Honourable Minister inform the House whether we have a commercial attache attached to each of our consulate or foreign embassies abroad in order to sell our products—help to sell our products?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya katakan tadi, kita tidak ada trade attache pada tiap² Kedutaan, chuma hanya sa-bagaimana yang telah saya sebutkan pada 6 kedutaan sahaja.

Dato' James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister satisfied that the 12 commercial attaches we have abroad is enough?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk masa ini kita berpuas hati dan kita akan menimbang untuk menambahkan lagi dari sa-masa ka-samasa bergantung-lah kapada kepentingan perdagangan kita dengan negeri² luar itu.

RANCHANGAN MENYIMPAN LADA DI-SARIKEI

24. Tuan Chen Ko Ming bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah ada-kah FAMA berchadang hendak menubuhkan satu ranchangan menyimpan lada di-Sarikei memandangkan bahawa tempat simpanan yang ada sekarang ini akan di-ambil aleh oleh Lembaga Pelabohan Rajang yang baharu di-tubuhkan dan jika ya, bila.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Ranchangan Pemasaran Lada Hitam FAMA, sa-buah pusat memperengkatkan mutu akan di-bena di-Sarikei. Pusat pemerengkatan mutu ini akan di-lengkapi dengan kemudahan² menyimpan lada hitam sa-belum ia-nya diperengkat mutu untuk di-ekspot. Kerja² mengkaji keadaan tanah bagi mendapatkan ma'alumat² lanjut untuk merancang dan mereka rupa bentuk pusat tersebut di-jangka siap pada akhir tahun ini dan pembenaan pusat itu di-jangka siap dan boleh digunakan pada pertengahan tahun yang kedua ia-itu dalam tahun 1973.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1971

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormat-nya membentangkan usul:

Mengikut Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa satu jumlah tambahan sa-banyak \$328,918,407 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1971, dan bagi maksud Kepala dan Pechahan-kepala Perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perentah bilangan 29 tahun 1971, dan di-untukkan jumlah yang tersebut setentang dengan Kepala dan Pechahan-kepala di-ruangan tujuh dan lapan senarai itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas, Dewan ini telah membahatkan Ranchangan Kerajaan bagi pembangunan ekonomi dan sosial dalam tempoh tahun² 1971-75. Sokongan sa-bulat suara oleh Dewan ini kapada Ranchangan itu, ada-lah satu galakan bagi kita semua untuk bergerak segera melaksanakan-nya.

Saya sangat-lah gembira mendengar pendapat² dan sokongan yang begitu hangat sa-kali dari Ahli² Yang Berhormat mengenai Ranchangan ini dan saya berharap kita semua sedar ia-itu tugas² yang akan di-jalankan itu tidak akan selesai pada kesemua-nya dalam tempoh lima tahun, atau pun sa-puluh tahun akan datang. Akan tetapi kita akan menchapai kejayaan Ranchangan ini dalam meletakkan suatu asas yang kukoh bagi menubuhkan satu masyarakat Malaysia yang baharu, yang penoh bertanggung-jawab, untuk membena satu rupa-bangsa Malaysia yang sa-benarnya berpandukan kapada prinsip² Rukunegara.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah berniat hendak berchakap panjang atas usul ini. Kita telah menentukan satu tugas yang besar dan berani dan kita berazam akan melaksanakan ranchangan itu dengan penoh kejayaan. Sunggoh pun kita bukan merupakan sa-buah negara sahaja yang telah menchuba melaksanakan Ranchangan saperti ini untuk memupok satu rupa-bangsa yang padu dan mengurangkan perbezaan ekonomi

yang tidak sa-imbang di-dalam masharakat, saya berharap kita akan menjadi sa-buah negara di-kurun ini yang akan menchipta satu sejarah kemajuan terhadap chita itu. Oleh itu, mari-lah kita dengan niat ikhlas dan tekun bersama² mengendalikan tugas² besar di-hadapan kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntokan yang di-buat di-dalam Anggaran Pembangunan Persekutuan tahun ini ia-lah \$1,306 juta. Dewan ini di-minta memberikan persetujuan bagi peruntokan sa-banyak \$328.9 juta dan ini merupakan peruntokan tambahan kapada jumlah yang telah di-buat di-dalam Anggaran Pembangunan Sementara dan Anggaran Tambahan Pertama.

Tahun 1971 ada-lah merupakan tahun yang agak luar biasa dari usaha² membuat anggaran belanjawan. Oleh sebab Parlimen telah tidak bersidang hingga bulan Februari tahun ini, satu Anggaran Sementara telah di-persetujui oleh Majlis Gerakan Negara bagi memperuntukkan wang yang di-kehendaki melaksanakan beberapa projek dalam Ranchangan Malaysia yang Pertama supaya tidak tergendala. Kedua, Ranchangan Malaysia yang baharu ini hanya dapat di-bentangkan untuk persetujuan dan penerimaan Parlimen pada sidang ini. Dengan chara membuat Anggaran Sementara ini kerja² perlaksanaan dapat di-teruskan tanpa halangan. Ini-lah yang menyebabkan jumlah peruntokan bagi tahun 1971 bertambah dan agak melebehi jumlah pukul-rata perbelanjaan pembangunan tahunan untuk tempoh ranchangan itu.

Ada-lah di-harap bagi tahun 1972 dan tahun² yang berikut anggaran perbelanjaan saperti ini akan dapat di-bentang saperti keadaan biasa—pada bulan November atau Disember bagi anggaran tahun yang berikutan. Sa-perkara lagi pada masa hadapan, kita tidak akan menghadapi kerumitan dalam menjadualkan sidang² Parlimen dalam bulan puasa saperti yang di-alami pada beberapa tahun yang sudah.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran ini mengandongi peruntokan² bagi menerus dan menyiapkan beberapa projek di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama. Ada juga peruntokan² bagi projek² baharu yang di-ranchangkan dalam Ranchangan baharu itu. Yang harus di-beri perhatian khas ia-lah

projek² yang bersangkutan dengan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baharu. Di-antaranya ia-lah:

- (i) satu peruntokan tambahan sa-banyak \$23.38 juta kepada PERNAS ia-itu dari jumlah \$100 juta yang di-untokan di-dalam Ranchangan itu;

Sa-jumlah \$4 juta kepada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia, suatu badan berkanun untuk tujuan menubuhkan kilang² bagi memperoses getah pekebun kecil untuk di-jadikan Getah Mutu Malaysia.

Dan lebih dari \$10 juta kepada Bank Pertanian untuk menambah ranchangan pinjaman-nya kepada sektor² sa-lain dari padi dan meluaskan khidmatan di-lain² negeri;

- (ii) peruntokan tambahan sa-banyak \$15 juta kepada MARA khas-nya kepada berbagai ranchangan latihan dan lain² projek;
- (iii) peruntokan tambahan sa-banyak \$6.6 juta kepada ladang² sektor awam dan ranchangan² kemajuan tanah bagi belia² untuk tujuan mengadakan pekerjaan sa-bagai tambahan kepada ranchangan² besar kemajuan tanah yang di-kendalikan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan;
- (iv) peruntokan kemudahan² infrastruktur seperti jalan² baharu dan membaiki jalan² ini mengikut keutamaan-nya bagi perkembangan pertanian dan perusahaan.

Saperti Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, di-samping menjayakan projek² yang membawa kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat, kita juga mustahak bertugas bagi mengekalkan keamanan dan chara hidup kita yang demokratik. Sekarang ini kita menghadapi satu ancaman berat kepada keselamatan negeri yang timbul dari pehak komunis—dengan chara² jelas terutama-nya di-kawasan² sempadan. Ancaman ini ada-lah di-pandang berat dan kita berazam untuk menghapuskan-nya dengan segala daya tenaga. Pasokan keselamatan akan di-lengkapkan sa-penoh-nya bagi menghadapi keadaan itu.

Dalam membahath Anggaran ini, saya berharap Ahli² Yang Berhormat akan memikirkan juga tentang pengorbanan² dan

kesusahan² yang di-hadapi oleh Anggota² Pasokan Bersenjata kita yang menyabong nyawa demi mengekalkan keamanan keselamatan, kemajuan dan kema'amoran negeri ini di-teruskan. Anggaran ini memperuntokkan kemudahan² perumahan bagi Angkatan Bersenjata kita, Pasokan Polis Hutan, kemudahan² latihan dan sokan mereka, pengangkutan dan kehendak² pembekalan mereka; dan berbagai² senjata yang di-kehendaki bagi menjalankan kerja² menghadapi apa² kemungkinan dengan lebih berkesan lagi.

Sa-belum mengakhiri ucapan ini saya sukachita-lah menarek perhatian Dewan ini bahawa di-bawah Peratoran 67 (B) apabila usul ini di-binchangkan dalam Committee, para Menteri tidak akan mengumumkan satu persatu ranchangan² Kementerian mereka. Memadai-lah, Tuan Yang di-Pertua, sahaja mengemukakan Kepala² yang berkaitan dan Ahli² boleh terus membahathkan-nya. Rakan² Kabinet saya akan menjawab pada perkara² mustahak yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat apabila perbahathan mengenai Kepala itu selesai.

Sa-bagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap Anggaran ini sangat menasabah dan sa-imbang bagi tahun pertama Ranchangan Malaysia yang baharu ini dan selaras dengan kehendak² negara bagi mengadakan kerja² yang produktif di-bidang pertanian dan perusahaan, pendidikan dan latihan bagi ra'ayat Malaysia supaya dapat mereka menchari pekerjaan² yang lumayan; peluang² bagi membolehkan orang² Melayu dan orang² bumiputra lain menyertakan diri mereka dalam kemajuan perusahaan dan perniagaan dan bagi perkembangan berbagai² infrastruktur untuk kemajuan negeri ini.

Oleh itu, mari-lah kita semua bergerak maju ka-hadapan bekerja bersama² untuk melaksanakan Ranchangan ini. Di-dalam ekonomi yang sa-makin berkembang, banyak terdapat berbagai² peluang dan peranan bagi tiap² pehak—termasuk Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pehak² awam dan swasta, kesatuan² sekerja dan semua lapisan ra'ayat. Kita terpaksa-lah bekerjasama dengan sa-penoh-nya bagi menchapai tujuan² kita itu: perpaduan negara, pembangunan yang pesat dan keselamatan yang terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengeshorkan supaya usul ini di-luluskan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang berucap untuk menyokong usul yang di-bawa oleh Timbalan Perdana Menteri, ia-itu bagi peringkat yang pertama atau tangga yang pertama kita mulakan Rancangan Baharu Ekonomi kita pada masa hadapan.

Dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan yang di-sebutkan tadi, saya chuma ambil dua tiga perkara sahaja, ia-itu yang menarek hati saya sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah peruntukan² yang di-beri kapada Jabatan Tanaman Sa-mula dan juga wang kapada sa-buah Perbadanan Getah Malaysia Berhad, Saya sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat dari kawasan

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengeshorkan dalam masa ini ta' usah pergi kapada Kepala² itu lagi, sebab di-dalam Jawatan-kuasa boleh berbath dalam Kepala².

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Atas ranchangan² yang menarek hati saya ia-lah ranchangan berkenaan dengan hal pertolongan kapada pekebun² kechil, yang terbentang, yang ada dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan ini. Ranchangan ini sungguh menarek hati dan bagi saya, sa-orang Yang di-Pertua Persatuan Pekebun² Kechil meng-uchapkan ribuan terima kaseh atas ranchangan Kerajaan dalam hal pertolongan ini, tetapi dalam perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu melancharkan ranchangan ekonomi untuk tahun yang pertama ini, perbelanjaan yang besar saya nampak tentu-nya terhadap pertanian.

Saya berasa sungguh besar hati dalam perkara ini. Dalam perkara ini, untuk melancharkan, bagi pengalaman saya, ada beberapa kesulitan yang saya fikir, yang patut kita awasi pada masa hadapan. Kita berusaha mengadakan bahan² mentah untuk di-keluarkan oleh negara kita, tetapi pada hemat saya, belum lagi kita mengadakan chukop pakar² bagaimana barang² mentah kita ini, boleh di-gunakan untuk kegunaan manusia. Kita belum lagi ada pakar² di-Universiti kita untuk mengadakan pakar² ini.

Jadi, kita berharap sekarang menjual barang² mentah kita ka-luar negeri di-mana pasaran²-nya tentu-lah menghadapi persaingan dengan pasaran² daripada negara² yang tertentu, terutama-nya, Tuan Yang di-Pertua, pasaran getah kita yang menghadapi tentangan yang hebat daripada pasaran getah tiruan.

Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, politik juga akan memainkan peranan yang penting dalam perkara ini. Di-tiap² buah negeri politik-nya akan melindungi perusahaan² mereka.

Dalam perusahaan getah ini, saya nampak-lah pada masa hadapan kita akan terpenchil ia-itu dengan pesat-nya perjalanan² getah tiruan ini. Baharu² ini sa-masa saya berada di-London, mengadakan mesuarat berkenaan dengan getah, ia-itu satu Kertas Puteh oleh Kerajaan British, di-mana Kerajaan British telah dan akan masok dalam gabungan kawan-nya di-Eropah sana. Di-dalam Kertas Puteh itu di-tegaskan ia-itu bagi Malaysia dan dua tiga buah negeri lagi hal pasaran mereka² akan di-tentukan, ia-itu sa-telah mereka membuat perundingan dengan rakan² mereka negara² Eropah; yang berma'ana pada masa hadapan kita, belum tentu lagi, yang pasaran² barang² mentah kita terutama getah ini akan dapat jaminan di-pasaran² itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan saya, negara² Afrika, banyak negara² Afrika, yang ada menjadi ahli dalam lingkungan² Pasaran Eropah ini, yang akan, pada satu masa akan menjaga kepentingan mereka², sebab mereka² ini juga akan mengeluarkan getah dan juga kelapa sawit; yang kita juga bersama banyak mengeluarkan. Mungkin pada satu masa mereka² akan menyekat pasaran² kita. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sampai-lah masa-nya yang kita, tidak boleh sangat berharap kapada pasaran² ini, melainkan kita mesti-lah ada pakar² kita yang akan menyelidik bagaimana-kah bahan² mentah kita ini boleh di-gunakan untuk keperluan manusia dengan chara short term, ia-itu kita tahu di-Tenggara Asia ini kita ada 1,200 juta umat manusia, yang boleh kita chari helah, chari jalan bagaimana bahan² mentah kita untuk keperluan mereka².

Jadi, di-sini saya berharap ia-itu Universiti Malaya mengadakan, terutama sa-kali pelajaran berkenaan dengan getah, sebab kita yang mengeluarkan getah, patut sangat-lah universiti kita mengadakan pelajaran² getah ini. Pada masa ini kita menghantar pelajar² kita mengenai mutu getah dan menggunakan getah ini, terpaksa di-England atau di-Amerika. Sa-patut-nya kita yang mengeluarkan getah maka universiti kita patut mengadakan pelajaran² berkenaan dengan getah khas di-negeri kita. Begitu-lah hal² lain, saperti-nya kelapa sawit dan sa-bagai-nya. Saya tidak hendak memanjangkan dalam perkara ini, sa-balek-nya saya berharap perhatian yang berat dapat di-ambil supaya universiti kita melengkapkan diri dalam perkara mengadakan saintis² atau pakar² yang boleh mencipta barang² mentah kita untuk di-gunakan untuk keperluan manusia, khas-nya kepada manusia yang ada di-Tenggara Asia ini sa-ramai 1,200 juta itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga dalam Sekolah Kolej Pertanian; pada masa ini kita sangat kurang pengeluaran² pelajar² daripada Sekolah Pertanian. Saya sa-bagai sa-orang yang mengambil bahagian berat dalam pertanian, di-tiap² tahun saya menchari pegawai² untuk menetapkan beberapa perbadanan untuk di-lengkapkan dengan pegawai² ini, tidak ada chukop pelajar² atau pun murid² yang keluar, yang berkelulusan dalam hal pertanian ini. Terpaksa-lah Jabatan² ini mengambil pegawai² separoh-nya daripada Jabatan Kerajaan, separoh-nya daripada Perbadanan LKTP dan yang berma'ana kita berebut² di-antara satu sama lain. Sa-patut-nya-lah kita luaskan lagi, banyakkan lagi, supaya Kolej Pertanian itu mengeluarkan murid² yang dapat kelulusan pertanian yang lebeh. Kita tahu negeri kita pada masa hadapan akan menitik-beratkan yang besar sa-kali dalam hal pertanian ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara kita mengeluarkan barang² mentah ini, pasaran yang tertentu juga, rasa saya sangat²-lah berat pada kita. Sudah sampai masa-nya, rasa saya, Kerajaan sendiri mengambil berat dalam hal pasaran ini, terutama chara² kita memasarkan barang² kita. Pada peringkat yang pertama sa-kali yang kita kehendakkan ia-lah pengangkutan. Kita dengar pada masa meshuarat dua tiga hari dahulu, kita ada meranchangkan mengenai perkapalan kita sendiri, tetapi rasa saya, saya

merasa mushkil menyatakan dalam Dewan ini, bahawa perkapalan kita ini telah masuk dalam gabongan conference line. Jadi bila masuk dalam conference line ini kita telah terikat kepada apa² peratoran yang telah dibuat oleh conference line. Conference line ini, Tuan Yang di-Pertua, semenjak satu dua tahun yang telah sudah menunjukkan dalam satu tahun tiga kali mereka menaikkan tambang²-nya. Dan bagi pehak Perbadanan Pengeluar² Barang² Mentah negeri ini saperti getah telah beberapa kali melaungkan, membunyikan, menyuarakan tentang kenaikan tambang² ini yang menyebabkan kesusahan² di-dalam perusahaan getah sendiri. Jadi, rasa saya, satu perkara yang patut di-ikhtiarkan bagaimana chara-nya kita mengadakan pengangkutan² kita sendiri, dengan tidak berharapkan kepada bangsa² di-luar negeri kita. Tujuan bangsa² asing ia-lah tidak lain dan tidak bukan hendak memeras negeri kita, memeras kekayaan negeri kita dengan menaikkan tambang² ini.

Bagitu juga pasaran² getah di-luar negeri, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu sekarang harga pasaran getah tidak akan ada harapan boleh meningkat lebeh daripada harga pasaran getah tiruan. Maka tidak lain dan tidak bukan kita chuma menchari satu jalan bagaimana mengurangkan orang² tengah, ini perkara yang sangat² perlu. Sa-bagaimana saya telah dengar dengan ucapan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu² ini, kita akan mengadakan penjualan terus dengan Kerajaan Republic China, ia-itu satu chara juga, yang kita dapat menghapuskan banyak orang² tengah. Bagaimana pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, sa-umpama-nya barang² mentah kita menghadapi beberapa banyak orang² tengah. Sa-umpama getah kalau di-kira daripada kampung hendak sampaikan kepada pengguna² getah di-Amerika atau di-Eropah sana, kita ada lima enam orang² tengah. Jadi ini-lah, rasa saya, yang saya berasa besar hati, kerana Kerajaan telah mengadakan Perbadanan Getah ini, supaya perbadanan ini juga mengambil aleh semua tempat² orang tengah ini, supaya mereka terus, boleh menjualkan getah² yang di-proseskan oleh pekebun² kecil kepada pengguna² di-luar negeri dengan tidak melalui lagi orang² tengah yang ada pada masa ini. Jadi dengan chara ini, rasa saya, Kerajaan yang telah mengadakan satu peruntukan yang besar,

rasa saya tidak kurang dari \$35 juta, ini adalah satu penggalakkan dan memberi satu semangat baharu kepada pekebun² kechil tentang masa hadapan mereka ada-lah baik.

Saya tidak-lah mengambil masa yang panjang lagi, sebab apa, saya fikir ini-lah dua perkara, ia-itu berkenaan dengan hal pekebun² kechil dan juga pengeluaran barang² mentah ini, sangat perlu kita adakan, bukan kata untuk mengeluarkan, tetapi untuk memproses dan juga untuk memasarkan dengan chara yang tertentu, mengelakkan segala orang² tengah. Dengan itu saya sa-kali lagi berasa berbesar hati dan juga berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri yang telah membawa Usul ini yang akan memberi harapan yang besar kepada pekebun² kechil yang miskin yang ada di tanah ayer kita pada masa ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan sa-kali lagi, perbahathan di-peringkat ini ia-lah mengenai perbahathan 'am. Sa-lepas itu usul ini akan di-serahkan kepada satu Jawatan-kuasa dan ini belum lagi kita pergi kepada butir²-nya. Chuma kita sentoh perkara² besar atas perbelanjaan sa-banyak ini sama ada patut atau tidak, itu sahaja. Jadi kalau pada masa ini kita pergi ka-butir²-nya, maka masa dalam Jawatan-kuasa nanti masing² tidak ada dalam Rumah ini, dan akan merugikan masa perbahathan sahaja.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai sa-banyak \$328,918,407 untuk Tambahan Perbelanjaan—Anggaran Perbelanjaan tahun 1971, saya suka-lah mengambil peluang untuk berchakap di-dalam Dewan yang mulia ini muga² akan menjadi perhatian kepada pehak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan ini ada-lah di-gunakan di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua yang baharu sahaja kita luluskan di-dalam Majlis ini semalam. Saya bagi pehak parti Pembangkang berchakap untuk memberi tegoran membena kepada pehak Kerajaan, tetapi bukan-lah kami ini berchakap untuk mengkritik dengan melulu² sa-bagaimana tuduhan mengatakan daripada parti Pembangkang bahawa kami ada-lah batu halangan yang menghalangkan Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Bila

tuduhan itu di-lemparkan kepada kami parti Pembangkang: Seluruh bumi di-pijak, langit menimpa kepala, tempat yang kami harap²kan telah menudoh sa-bagitu berat.

Tuan Hussin bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Kalau tidak silap dengar dia berchakap tadi, bagi pehak parti Pembangkang, ada-kah dia bangun dalam Dewan ini—sekarang berdiri mewakili semua pehak Pembangkang yang ada di-dalam Dewan ini atau hanya dia berchakap sa-bagai salah sa-orang daripada Ahli Pembangkang.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap sa-bagai parti Pembangkang dari Parti Islam. Tuan Yang di-Pertua, bila kami dengar tuduhan sedemikian itu, patah-lah dahan tempat bergantung, tumbang rimbun tempat bertedoh, hanchornya hati kami laksana kacha jatuh ka-batu. Sa-bagaimana kata pantun Melayu:

Pohon Bemban di-kampung Manok,
Di-tebang Che' Odok ka-Tanjong Batu,
Biar kami memeban gunung,
Daripada kami di-tudoh bagitu.

Kami mengeritik bukan melulu,
Kami teliti terlebih dahulu,
Sa-umpama parang di-pegang ulu,
Baharu kami musoh di-palu.

Ini dia, Tuan Yang di-Pertua,
Hari ini di-kemukakan Ranchangan
Malaysia Yang Kedua,
Dahulu di-kemukakan Ranchangan
Malaysia Yang Pertama,
Kami Pembangkang bekerjasama faedah-nya sedikit datang menjelma.
Hutang-nya yang banyak di-tanggung lama,

Sekarang datang Ranchangan Malaysia
Yang Kedua,
Ada-kah langkah yang pertama kita bawa.
Kelak negara jadi kechiwa,
Ra'ayat menangis tidak ketawa.

Itu-lah sebab kami mengeluarkan fikiran supaya jangan ranchangan itu terbengkalai. Kami chintakan Kerajaan Perikatan, kami ta'at kepada Kerajaan apabila kami kritik bukan-nya dengan melulu dan bukan kami menjadi batu penghalang.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini perbelanjaan yang di-kemukakan ada-lah untuk faedah

ra'ayat yang sangat murni ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan yang di-reka, di-susun oleh Menteri² dan Kabinet-nya yang bijaksana. Kami sa-bagai Parti Islam menjunjung tinggi dan menyokong penoh, tidak pernahlah kami menda'ayahkan kepada ra'ayat bagaimana yang di-tudoh bahawa jangan di-ikutkan Kerajaan, tinggalkan dunia, mari kakahirat, tidak betul sama sa-kali, ini-lah saya bangun menafikan dengan hasrat yang penoh dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ranchangan yang hendak di-majukan kepada ra'ayat ini maka saya suka memberi tegoran² di-dalam pembangunan tambahan dan tiap² Kementerian yang hendakkan peruntukan.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, dalam Buku ini muka surat 7.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak kita berbath macham itu kali ini. Itu butir-nya. Kalau butir² kepala itu ia-lah dalam Jawatan-kuasa.

Tuan Hashim bin Gera: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Ranchangan dari penambahan wang ini, maka di-ranchangkan-lah oleh Kerajaan supaya berhati² wang yang bagini banyak tidak akan hilang dengan sia² sa-bagaimana kata pepatah Melayu: Pelabor habis, Palembang ta'alalah. Tidak akan memberi manafa'at kepada ra'ayat jika sa-kira-nya Kerajaan tidak tegas di-dalam melaksanakan sa-suatu kerja²-nya.

Yang kedua, Kerajaan mesti-lah memperhatikan dalam Ranchangan ini yang pertama kewangan itu ada di-antara orang² yang mengambil kesempatan menchari faedah dirinya hingga dia menyelewengkan daripada dasar² Kerajaan ini. Jika Kerajaan mengambil perhatian apa yang saya rayukan ini mudah²an Allah Subhanahu wa-ta'ala akan menjayakan ranchangan Kerajaan ini. Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Chan Fu King (Telok Anson): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, it is a matter of great regret that no provision is made in the 1971 Development Estimates, whether under the Ministry of Works, Posts and Telecommunications or any other related Ministry, about how the people of Telok Anson are to be saved from their sorry situation.

The rapid erosion which is taking place in the town of Telok Anson is an important and urgent matter facing the people of Telok Anson. The fast-flowing river beside the town is eating into the area at a rate that threatens the well-being and livelihood of more than 70,000 people of Telok Anson. \$20,000 million worth of property is affected and stands to be destroyed by the erosion.

Mr Speaker, Sir, in 1962 a survey was carried out by a team of Colombo Plan Consultants at the cost of \$85,000. Three years later, the survey was completed and a report was submitted to the Perak State Government for study and consideration. I am sure a copy of the report must also have been handed to the Federal Government as it contributed \$72,000 to the cost of the survey. Surprisingly, the matter was handled by, of all Ministries, the Ministry of Agriculture and Co-operatives. It is a matter of great regret that nothing has been heard about the report since 1965. In the tradition of the Alliance, the report is still under study—so they say. No one knows for sure whether it is not just lying on the shelves. I hope the Government will take a more serious view of the matter and make a decision early.

An adequate sum of money should have been provided in the 1971 Development Estimates for the purpose of checking soil erosion in Telok Anson. If the Government is of the opinion that this is too costly to implement, it should think of an alternative plan. Perhaps it might be cheaper and more convenient to shift the whole town to higher ground. If this alternative is taken, the Government should readily make land available to the town folks of Telok Anson and adequate subsidies and compensation should be given to all the people affected.

I call on the Government to treat this matter as urgent and help the people of Telok Anson to overcome the curse of erosion. Thank you.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menguchapkan ribuan terima kaseh atas peluang yang di-berikan kepada saya pada sa'at ini untuk mengambil bahagian sedikit dalam perbahathan mengenai Anggaran Pembangunan, 1971 yang terkandung dalam Surat Perintah No. 29 ini. Sa-bagai sa-orang wakil dari bangsa Kayan, dan wakil dari bangsa Kenyah, Kelabit,

Murut dan Phunan ia-itu kaum² bumiputera Sarawak yang asli dan ra'ayat² Sarawak yang sa-habis tulen, saya rasa patutlah saya memberi sedikit pandangan dalam perbahathan yang penting ini. Dalam perbahathan mengenai Rancangan Malaysia Kedua itu, saya telah pun berdiri berkali², tetapi langsung tidak mendapat kesempatan, dengan itu saya ingin memberi ribuan terima kaseh atas peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Pembangunan bagi Tahun 1971 ini ada-lah sangat² mustahak berhubung dengan Rancangan Malaysia Yang Kedua dan dasar ekonomi baharu itu. Sebab anggaran ini akan menjadi langkah pertama bagi menjalankan rancangan yang di-pandang dalam dasar ekonomi Baharu Malaysia itu dan langkah pertama ini menguji pandangan² kita dan chita² kita yang terukir dalam Buku Merah Rancangan Malaysia Kedua itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan kalimat langkah pertama ia-itu semua usaha² yang kemudian-nya kelak akan bertanggung, atau pun akan bergantung kejayaan-nya, atau kegagalan-nya kelak atas kejayaan dan pelaksanaan-nya anggaran ini. Pada dasar-nya jikalau-lah pelaksanaan anggaran ini tidak di-jalankan dengan betul menurut prinsip² Rukunegara itu, maka batu asas dasar ekonomi baharu itu sendiri akan bergonchang dan peluang akan timbul untuk musuh² negara kita menjalankan perjuangan mereka dengan kegiatan yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya pelaksanaan semua usaha² yang terkandung dalam Anggaran ini dan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua ini akan tetap berjaya apabila semua pihak waktu menjalankan usaha² ini jangan sa-kali² membabit²kan soal politik, soal parti, soal kaum dan soal ugama, melainkan memberi pandangan sama rata atas kemiskinan dan kesusahan ra'ayat seluruh-nya. Ini pada dasar-nya akan menimbulkan persaudaraan dan perasaan muhibbah di-kalangan segala ra'ayat dan akhir-nya bagi kita dan bagi anak chuchu kita, maksud dasar ekonomi baharu itu ia-itu keamanan dan kema'amoran bagi seluruh ra'ayat Malaysia yang wujud kelak. Tuan Yang di-Pertua, apabila memberi sa-suatu rancangan pertanian, apabila memberi kemudahan² perubatan, apabila mengusahakan hal pelajaran seperti memberi biasiswa² atau membahagikan

tempat bagi anak bumiputera dalam universiti, apabila memberi jawatan kepada pemohon² dalam sa-suatu jabatan atau dalam segala usaha yang lain²-nya, ada-lah sangat² salah terhadap prinsip Rukunegara dan ada-lah sangat salah di-dalam membabit²kan soal politik atau pun soal ugama di-dalam dasar ekonomi baharu Malaysia yang kita junjong tinggi ini. Kalau pihak yang berkuasa itu bertanya dan menyelideki. Apa parti, apa bangsa, apa ugama—ini tidak berpadan, dalam prinsip² Rukunegara dan ini akan merosakkan chita² ekonomi baharu yang kita harap² itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu membetulkan sedikit ia-itu mengenai Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu menyentuhkan sedikit ia-itu mengenai Kementerian Penerangan. Saya rasa perlu ditegaskan lagi apa yang telah berulang² di-sebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam beberapa hari yang telah lalu, ia-itu bahawa patut-lah Kementerian ini jangan sa-kali² menyebelah mana² pihak kepada sa-barang parti politik, melainkan beri-lah laporan dan gambaran yang sa-benar²-nya menurut apa yang sa-benar-nya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya ingin memberi satu peristiwa yang telah berlaku baharu² ini yang merupakan Radio Malaysia di-Kuching itu tidak menjalankan tugas-nya dengan sa-patut. Waktu lawatan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ka-Baram dalam bulan lalu, ra'ayat Baram berusaha sangat untuk memberi sambutan yang meriah kepada Menteri itu. Ahli Parlimen ia-itu saya sendiri dan Ahli Yang Berhormat Council Negri dalam kawasan itu pun dengan Tuan Pegawai Dearah menyambut kedatangan Menteri itu dari pesawat terbang di-Marudi. Dan pada waktu itu ia-itu pada malam hari itu juga jamuan malam itu, Ahli Parlimen dan Ahli Council Negeri sahaja yang memberi ucapan selamat datang dengan permintaan kepada Menteri itu. Dan Ahli Parlimen dan Ahli Council Negeri sama dengan Tuan Pegawai Dearah mengiringi Menteri itu pada semua perjalanan beliau hingga beliau kembali ka-Kota Kinabalu. Tetapi apabila Radio Malaysia di-Kuching melaporkan peristiwa itu sa-patah kata pun tidak di-sebut bagi Ahli Parlimen atau Ahli Council Negri, sa-olah² Menteri

itu turun di-padang gurun dan tidak ada sesuatu manusia menyambut akan dia dan tidak sa-orang manusia memberi ucapan selamat datang kepada dia.

Kita tidak ingin nama di-sebut dalam Radio, yang mana ini tidak berma'ana kepada saya, tetapi ada berma'ana kurang baik atas nama dan kehormatan Menteri Pengangkutan atau pun Kementerian yang telah melawat kawasan saya. Dengan sebab itu, saya bermohon kepada Kementerian Penerangan itu tolong menegor Radio di-Kuching itu supaya jangan lalai atau pun miring lain kali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Imigresen, saya mohon Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberi pertimbangan istimewa kepada orang Kayan, Kenyah, Kelabit Murut, Penan dan lain² dari sa-belah sempadan Sarawak dengan Kalimantan Barat yang telah lama dalam Sarawak dan yang sudah beristeri dan mempunyai anak.

Sa-benar-nya kawan² ini di-kedua² belah sempadan itu ada-lah bersaudara darah daging. Sempadan itu di-buat oleh bangsa asing seperti British dan Belanda, dan sa-lepas konfrantasi Indonesia itu batasan sempadan itu di-perkokohkan lagi dan perkara ini ada-lah sangat payah bagi kaum² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan meminta bagi semua orang² dari Indonesia itu melainkan saya minta dengan sa-sungguh-nya pertimbangan istimewa bagi mereka yang sudah ada isteri dan mempunyai anak yang mana pun sudah lama diam di-Malaysia supaya mereka dapat di-beri warganegara dengan mudah-nya.

Semua Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang ada isteri dan ada anak dapat-lah bersimpati dengan masaalah ini. Payah sa-kali bagi sa-orang manusia yang mempunyai anak dan isteri akan bercherai daripada keluarga-nya dan juga, Tuan Yang di-Pertua, sempadan ini bukan-lah di-perbuat oleh perintah kita, ia-itu Malaysia bahkan telah di-buat oleh perintah British dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentoh sedikit mengenai Kementerian Pelajaran. Saya suka membentangkan sedikit atau pun membawa sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Menteri ia-itu apa-

Dato' Yang di-Pertua, pada 21hb Jun, 1971 *Utusan Melayu* telah mempamerkan satu artikel berkenaan dengan kekurangan angka murid² yang dapat masok ka-sekolah menengah di-Negeri Johor sa-ramai 9,814 orang sahaja daripada 14,092 orang murid yang berpeluang melanjutkan pelajaran mereka. Banyak penyelidekan telah di-jalakan untuk mencari punca² yang menyebabkan kejatohan bilangan murid² ini. Walau pun dapat berbagai² faktor yang menghalang satu² faktor yang paling nyata ia-lah dari segi kemiskinan, bukan sahaja di-kalangan orang² Melayu malah meliputi seluruh bangsa yang ada. Kemiskinan yang menjadi soal besar di-dalam masyarakat kampung bukan sahaja mematikan semangat orang kampung untuk maju malah mereka dengan sebab terlalu sedikit sa-olah² telah buntu untuk menchari jalan keluar dari masalah hidup, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kalau pun ada bantuan berhubung dengan pelajaran kanak² ini hanya sa-bilangan kecil sahaja yang dapat menikmati kemudahan² tersebut. Yang lain maseh terkais² di-dalam gelombang kemiskinan. Walau pun bantuan² telah disediakan seperti bantuan biasiswa kecil dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, bantuan buku² dari Kementerian Pelajaran dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Biasiswa Dato' Onn. Tetapi bantuan ini maseh tidak memadai sebab keluarga kampung maseh bersusah payah menchari kekelehan. Lain untuk menampung kekurangan perbelanjaan pakaian, perjalanan pergi balek sekolah dan lain² keperluan.

Dengan ini saya berharap pihak Kerajaan dapat memberikan bantuan yang lebih dan sesuai kepada keluarga yang miskin dan

malang ini. Meninjau kesusahan mereka dari segi aspek keperluan pelajaran keluarga² yang mengambil jalan senang ia-lah untuk memberhentikan anak² mereka daripada melanjutkan pelajaran mereka tidak mampu ia-lah keluarga² yang sudah sedar akan kepentingan pelajaran. Kalau kemiskinan yang menjadi satu penghalangan kepada mereka, maka ada-lah kewajipan kita untuk membantu mereka yang sa-penoh-nya. Pelajaran ada-lah satu masaalah kebangsaan yang tidak patut di-abaiakan kerana di-tangan mereka itu-lah lahir-nya jenerasi² baharu yang bakal menjadi warganegara yang sesuai dengan zaman moden dan serba maju.

Dato' Yang di-Pertua, mengenai dengan pertanian bantuan menanam sa-mula Sekim Kelima. Rancangan ini ada-lah baik ia-itu dengan tujuan sa-bagi menambahkan tanah² kebun² kechil supaya taraf hidup mereka menjadi lebih baik. Rancangan ini berjalan dengan baik hingga Sekim Ketiga tahun 1967, ia-itu tiap² tanah kebun yang gerannya sa-luas lebih dari 5 ekar hingga 9 ekar akan di-beri bantuan sa-penoh-nya. Apa yang menarek perhatian saya mengikut Sekim Kelima dengan terang menunjukkan bahawa Rancangan Sekim Kelima di-batal-kan. Kalau rancangan atau Sekim Kelima di-teruskan, saya berpendapat rancangan memberi bantuan kepada pekebun² kechil tidak sampai kepada matlamat yang sa-benar-nya.

Saya suka menhadangkan supaya Badan atau Lembaga Penanaman Sa-Mula mengkaji balek sekim yang kelima ini dan mengembalikan rancangan mengikut sekim ketiga. Dengan ini saya ada-lah meminta supaya di-ulang kaji sa-mula hak kelulusan sa-bagai pekebun² kechil yang mempunyai kebun sa-luas 5 ekar hingga 10 ekar hendaklah di-beri hak² kelulusan penoh sa-bagai mana rancangan yang ketiga.

Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan borang SPA I ada-lah menjadi kesulitan kepada orang² yang memerlukan dan terlalu susah untuk mendapatkan-nya hanya daerah², kalau ada pun daerah ada-lah terhad dan tidak menchukopi untuk menampung kehendak orang ramai yang memerlukan-nya, kalau pun dapat borang ini tetapi malangnya kerja² yang hendak di-minta telah pun habis tempoh-nya. Hal sa-rupa ini sangat mendukachitakan. Satu perkara yang kechil, Dato' Yang di-Pertua, tetapi kesan-nya sangat

besar arti-nya terutama kepada pemohon² kerja. Apa-kah sebab² Kerajaan mengambil langkah memperketatkan pembahagian atau mengeluarkan borang kepada daerah². Dengan chara yang demikian menjadikan sa-orang pemohon kehilangan peluang untuk memohon pekerjaan di-sebabkan terlalu payah mendapatkan borang² ini. Di-sini patutlah Kerajaan mengambil perhatian di-dalam soal ini supaya masaalah kesulitan tentang mendapatkan borang itu tidak memberikan peluang kepada kaki-tangan pejabat menjadikan sa-bagai puncha rasuah.

Dato' Yang di-Pertua, sa-terus-nya saya mengambil kesempatan untuk memberikan sedikit lagi pandangan yang terlintas di-dalam hati saya. Satu daripada-nya ia-lah mengenai kawasan di-sepanjang pantai Sungai Tebrau dan Sungai Sekudai yang mana kedudukan pantai ini merupakan pantai bagi kawasan selatan negara kita. Saya maseh ingat lagi di-zaman konfrantasi ramai saudara² kita dari Indonesia menyeludopkan diri mereka sa-chara haram. Hal kawalan rapi sa-memang siang dan malam demikian juga di-waktu aman penyeludopan pula mengambil kesempatan menyeludopkan barang² perniagaan mereka sa-chara haram dan sekarang saya rasa sudah-lah sampai masanya bagi kita meletakkan kawalan askar² yang ketat di-sana sa-bagai langkah berwaspada terhadap sa-barang gangguan dari luar negeri kita. Chara yang paling baik sa-kali kuatkan kawalan di-sapanjang pantai kita ia-lah askar dan polis bekerja menjaga keselamatan dan kepentingan negara kita.

Juga, Dato' Yang di-Pertua, kalau mereka mengadakan pemeriksaan yang teliti di-pejabat² imigresen, kita juga mesti tegas mengawasi keluar masuk-nya ra'ayat mereka. Tetapi yang mendukachitakan ra'ayat Malaysia sendiri yang sangat terganggu di-tempat pemeriksaan itu di-Johor Bahru sana apabila paspot biru di-pindahkan dari satu pintu ka-satu pintu menjadikan orang ramai berasak² bertolak² dengan mengambil masa yang lama berderet² menunggu paspot² mereka itu di-pereksa. Pada hal pintu masuk ka-Singapura apabila di-tunjukkan paspot merah sahaja, berarti ra'ayat mereka, dengan sa-kali pereksa terus di-benarkan masuk ka-negeri mereka, kechualih ra'ayat Malaysia yang mereka tegas memereka-nya, tidak saperti di-pintu masuk ka-Malaysia kerana Pegawai² Imigresen kita di-sini terlalu cherewet menjalankan tugas-nya

terhadap ra'ayat Malaysia sendiri. Yang demikian di-harap pehak yang berkenaan dapat membetulkan kelemahan² pehak Imigresen ini agar berjalan dengan lancar dari masa ka-masa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Minta pendek² sedikit, Yang Berhormat, masa tidak banyak lagi kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kaseh kerana dapat memberi sedikit pandangan dalam membahathkan Usul yang di-bawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan Anggaran Pembangunan tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bertuah kerana kita hari ini akan meluluskan peruntukan sa-banyak \$328,918,407 untuk Pembangunan ini dengan tujuan untuk kebaikan ra'ayat dan kebaikan negara kita. Dengan bersempena Ranchangan Tahun Pertama bagi melancharkan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua—satelah kita meluluskan Ranchangan Malaysia Yang Kedua beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan sa-banyak ini kita agak bahawa sunggoh-nya kita akan menempoh zaman kemajuan di-masa yang akan datang sa-bagaimana kita mengagak bahawa kita akan menempoh di-zaman kemajuan ketika mana di-Rumah yang mulia ini meluluskan Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, sukachita dengan ini saya ingin menyatakan bahawa pehak Persatuan Islam sa-Tanah Melayu memang sa-lama ini menyokong ranchangan² untuk kebaikan masharakat dan khas-nya untuk membimbing kaum bumiputra dan orang² Melayu supaya maju dalam bidang ekonomi, dan dalam bidang pendapatan di-negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun demikian sa-telah berakhir-nya Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama kedapatan bahawa ra'ayat di-kampong² dan di-luar² bandar maseh banyak ketinggalan juga sa-bagaimana yang kita saksikan suara² yang di-lahirkan di-ruangan² surat khabar dan juga di-dalam Dewan yang mulia ini.

Saya rasa ranchangan² kita di-masa yang lalu memang baik, tetapi perlaksanaan-nya kurang memuaskan dengan sebab beberapa

halangan² atau pun beberapa perkara yang tidak memuaskan pehak pentadbiran kita pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu perkara bahawa kalau kita mengikut dalam Buku Merah yang kita luluskan beberapa hari yang lalu, maka kita nampak bahawa di-negara kita ini sudah maju dalam bidang jalan raya. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita bacha dan kita lihat kemajuan² itu hanya ia-lah di-perengkat di-dalam bandar dan di-perengkat jalan sahala ka-arah² luar bandar yang sa-bahagian besar-nya ia-lah untuk mengeluarkan hasil² hutan khas-nya balak dan bijeh². Sedangkan, Tuan Yang di-Pertua, di-kampong² keadaan jalan maseh berlumpur dan berselut liat di-mana orang² kampong maseh menonggang basikal dengan meletakkan kasut-nya di-atas basikal. Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu perkara yang menyedehkan, pergi-lah di-kampong² di-sana kita dapati orang² kampong memakai basikal bukan menonggang tetapi mengheret-nya dengan meletakkan kasut-nya di-atas basikal untuk keluar ka-bandar. Hal ini kita dapat saksikan bahawa jalan² di-dalam bandar di-buat dengan keadaan bagitu baik, dengan keadaan bagitu mahal di-mana kadang² tiap² tahun di-adakan peruntukan untuk membaiki dan meluaskan-nya, sedangkan di-jalan² di-kampong² di-biarkan keadaan bagitu. Apakala kita menyebut bahawa ranchangan di-kampong perlu di-adakan ranchangan yang baik dengan meletakkan tanah merah, batu dan tar, maka banyak pehak² berkenaan menjawab bahawa pehak Kerajaan tidak boleh membuat ranchangan saperti itu di-kampong² kerana terlampau banyak dan tambahan pula jalan² di-kampong saperti itu di-panggil jalan mukim atau pun jalan penghulu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya hal ini mesti di-kaji oleh pehak Kerajaan dengan memperuntokkan wang yang lebeh banyak bagi memodernkan kampong² dengan mengadakan jalan² yang lebeh baik dan dengan itu orang² kampong akan berasa selesa sama juga dengan orang² bandar berasa selesa. Pernah satu kejadian di-mana dua tahun di-satu bandar di-buat jalan dua kali. Tiap² tahun adakan peruntukan kerana membaiki jalan itu dan tahun yang kedua di-adakan peruntukan untuk membaiki jalan itu juga. Tetapi sa-balek-nya kalau dalam Dewan yang mulia ini kita sebut, saya rasa, tidak

akan pelek, kerana semua Ahli² Dewan ini ada-lah Wakil² Ra'ayat di-mana kita sentiasa pergi ka-kampung² yang terpaksa kita tinggalkan motokar jauh dan berjalan kaki dan kadang² menaiki perahu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya rasa sa-baik²-nya Kerajaan memikirkan benar² bahawa kalau kita betul² mahu memajukan orang kampung menjadikan kampung² itu keadaan yang sa-paroh bandar hendak-lah kita memperuntukkan wang bagi membaiki jalan² kampung dan memperbaharui-nya sa-kurang²-nya hampir² dengan jalan² di-bandar². Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menyatakan bahawa kemajuan² seperti ini kita melihat hanya jalan daripada Kuala Lumpur ka-Klang, jalan daripada Kuala Lumpur ka-Petaling Jaya, maka memang enak, tetapi kalau kita melihat kampung² di-sana, mithal-nya, saya sebutkan di-kampung di-daerah, di-kawasan saya di-mana daripada Kuala Dungun menuju ka-Pasir Raja, maka kita dapati untuk pergi kasana memakan masa empat hari, lebih lama masa-nya daripada daerah Dungun ka-Kuala Lumpur. Ini keadaan yang menyedehkan sa-kali, Tuan Yang di-Pertua. Dan pehak Kerajaan harus memikirkan hal ini bukan dari sa-mata² memikirkan untuk keindahan dan sambutan² dari pelanchong² luar sa-mata².

Sa-lain daripada yang demikian itu kita dapati bahawa di-kampung² untuk mendapat bekalan letrik chukup payah. Saya pernah menyuarakan beberapa kali dalam meshuarat² luar bandar dan di-dalam Dewan Negeri berhubung dengan keadaan di-kampung perlu di-chepatkan bekalan letrik, tetapi keadaan jawapan-nya mendukachitakan, kerana alasan² yang banyak yang boleh di-kemukakan memang di-dalam dunia apakala di-soal adalah jawapan-nya. Tuan Yang di-Pertua, hal ini kita melihat bahawa orang² kampung sekarang ini maseh menggunakan pelita ayam atau pun pelita yang kecil, sedang kita di-bandar² sudah memakai letrik yang indah, yang lawa dan chantek. Tetapi pehak Kerajaan saya nampak ada memperuntukkan ranchangan untuk letrik, bekalan letrik di-luar bandar, tetapi yang mendukachitakan kalau di-masa² yang lalu ada juga ranchangan seperti itu di-dalam Ranchangan Malaysia Pertama, tetapi kita nampak bekalan letrik di-kampung maseh ketinggalan juga seperti mana di-zaman dahulu. Saya harap dengan ada-nya Ranchangan Malaysia

Kedua ini pehak Kerajaan benar² mengambil ingatan dan mengambil kesedaran dengan memberikan pertimbangan yang sa-chepat²-nya untuk membekalkan letrik di-luar bandar. Saya beri satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, satu kawasan di-daerah Trengganu ia-itu daerah Dungun di-namakan Jerangau yang termashhor dengan Ranchangan LKTP Jerangau. Di-situ penduduk-nya ramai, tetapi bekalan letrik-nya tidak ada, talipon tidak ada, jalan raya sekarang ini ada boleh tahan. Saya telah menyuarakan bahawa perlu ada-nya talipon di-sini dengan sebab orang kampung di-sini mahu senang panggil polis, panggil bomba, panggil pegawai² perubatan untuk rawatan perubatan dan sa-bagai-nya. Maka jawab-nya payah talipon itu. Kalau kita adakan di-kampung seperti ini, ini tidak ekonomik, kerana banyak belanja untuk menempatkan satu talipon di-situ. Sa-balek-nya kalau satu kampeni atau pun sharikat mahu kapada talipon, mahu kapada bekalan letrik dengan senang sahaja letrik datang ka-tempat sharikat itu, talipon datang. Ya! Jawab pehak Kerajaan tentu-lah dengan bayaran. Saya akui. Tetapi kita mesti ingat sa-bagai Kerajaan yang memimpin ra'ayat dan mahu memodenkan orang² di-luar bandar, apa salah-nya kita peruntukkan sedikit wang bagi memasokkan talipon, memasokkan letrik di-luar bandar dengan sa-chara yang mudah.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya menyebutkan di-dalam Dewan yang mulia ini tentang ranchangan² yang besar yang hendak di-laksanakan oleh Kerajaan dengan di-namakan Ranchangan Johor Tenggara, Ranchangan Jengka Tiga Segi, ranchangan itu dan ranchangan ini. Tuan Yang di-Pertua, sa-kali dengar kita berasa senang hati dengan ranchangan² seperti ini kerana dengan itu hutan² di-negeri kita ini habis di-tebang dan akan lahir kebun² yang indah di-mana buroh² yang banyak boleh dapat bekerja di-sana.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian besar ranchangan² seperti ini ada-lah di-buat dengan sa-chara joint venture, dengan sa-chara berkongsi antara pehak Kerajaan atau pun perbadanan² Kerajaan dengan sharikat² luar negeri. Saya tidak tahu apa-kah perjanjian² yang di-buat antara Kerajaan atau pun perbadanan² Kerajaan dengan Sharikat luar negeri itu. Ada-kah perjanjian ini akan memberi sa-bahagian daripada tanah itu yang sa-banyak dua juta ekar atau pun beratus²

ribu ekar kepada sharikat itu, atau pun hanya pinjaman wang sa-mata², atau pun sa-bagai-nya kita tidak tahu, sebab sa-bagai ra'ayat, sa-bagai pehak Pembangkang mungkin kita tidak tahu rahsia² seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut banyak boleh kita menempatkan buroh di-ranchangan² seperti itu baik, dan dari sudut kita membersehhkan hutan² di-daerah negeri kita ini dan meletakkan tanaman² yang lebeh banyak hasil ada-lah baik. Tetapi kalau di-fikirkan dari sudut kira-nya tanah yang bagini banyak di-beri kepada sharikat² luar negeri dengan sa-chara mana kita tidak tahu, tetapi kalau kita katakan pemberian itu dengan sa-chara 99 tahun atau pun sa-bagai-nya, maka saya rasa ini satu perkara yang mendukachitakan, kerana dengan ini bertambah banyak-lah tanah di-negeri ini akan dapat di-mileki oleh kampeni² atau pun oleh sharikat² di-luar negeri. Sedangkan hasrat kita daripada masa yang lalu sahingga sekarang ia-lah membanyakkan ra'ayat dalam negeri ini memileki tanah negeri kita sendiri. Kita tidak mahu sa-bagai mana zaman penjajah di-mana sa-orang taukeh, atau pun sa-orang pemodal duduk di-London, tetapi dia mempunyai estet yang besar di-sini, atau pun satu group lima enam orang berada di-London, tetapi berpuluh ribu, malah beratus² ribu ada estet-nya di-negeri kita ini. Kita hanya terdiri daripada orang² India, orang² Melayu menjadi buroh kepada estet seperti ini. Ya! Di-masa itu memang mereka boleh buat, kerana negeri ini ada-lah negeri yang di-jajah oleh mereka, dan pehak kita tidak berupaya untuk melawan-nya masa itu dan mungkin kesedaran kita tidak ada di-masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita telah merdeka di-mana kita mempunyai kekuasaan yang penuh di-dalam serba serbi. Jadi kalau untuk mengejar kemajuan dengan memberi tanah² yang berjuta² ekar kepada sharikat² luar negeri, maka saya rasa negeri ini akan menerima akibat-nya. Di-satu masa di-mana kampeni² luar negeri itu akan menekan kuasa-nya untuk mempengaruhi di-bidang politik di-negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang memang kita tidak mahu dan kita berasa minta perlindungan dengan Allah subhanahu wa ta'ala daripada kejadian seperti itu di-masa 100 atau pun 200 tahun yang akan datang.

Oleh sebab yang demikian perlu-lah kita menjaga dan mengawasi kerana untuk mendapatkan wang² dari luar negeri kita mengadakan sa-bahagian tanah negeri ini kepada sharikat² yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian² seperti ini banyak berlaku di-mana² pun dalam dunia ini, mithal-nya di-Afrika Selatan, demikian juga di-Mesir dahulu, dan demikian juga di-negeri kita dan begitu-lah di-mana² sahaja, di-tempat yang penjajah dudok, berpijak kaki-nya. Memang penjajah berpijak di-satu tempat ia-lah untuk menarekkan ekonomi di-dalam negeri itu dan membawa ka-negeri-nya serta menjadikan ra'ayat negeri itu hamba bagi-nya.

Tuan Yang di-Pertua, alang-kah baik sa-kira-nya Kerajaan nyatakan kepada Dewan ini bahawa ranchangan² seperti ini ada-lah buat peringkat permulaan, dengan kadar 50 tahun atau pun lebeh rengkas daripada itu lagi dan sa-lepas itu sa-chara beransor ranchangan² seperti ini akan terus di-mileki oleh Kerajaan sa-mata², atau pun akan di-mileki oleh ra'ayat negeri, dengan apa chara sa-kali pun, sama ada dengan penanaman modal oleh ra'ayat sendiri, atau pun dengan saham yang akan di-mileki oleh pekerja² itu dengan satu chara yang di-ator oleh Kerajaan dengan bijak-nya. Ini ada-lah satu chara untuk menjadikan ranchangan itu ada-lah hak ra'ayat bukan hak company. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, dengan ranchangan² yang besar² ini, kita indah kabar dari rupa, kalau² kita sudah di-katakan, yang lain dapat nama yang lain tuan punya, yang kita hanya nama sa-mata² atau pun istilah yang sekarang ini di-Ali Babakan, di-mana permit Ali yang punya, tetapi hakikat-nya Baba yang punya. Jadi, demikian juga ranchangan² kita yang besar ini. Nampak-nya Kerajaan yang punya, tetapi hakikat-nya kaum pemodal yang punya. Ini yang saya takut, Tuan Yang di-Pertua. Bebanan yang seperti ini bukan sahaja akan di-tanggung oleh kita, tetapi akan di-tanggung oleh anak², chuchu² kita di-masa akan datang.

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena-mengena perkara yang di-bahathkan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir pun begitu juga. Sudah lama saya biarkan; nanti balek perkara yang di-hadapan kita ini, tetapi ta' balek² sampai ka-South Africa ka-mana².

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rancangan Pembangunan Tahun 1971

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama lagi hendak berchakap?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' boleh panjang², sebab Ahli² Yang Berhormat yang lain hendak berchakap. Masa dalam Jawatan-kuasa boleh di-tegor mana² yang tidak ber-setuju.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Izinkan sa-tengah jam lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! tidak boleh. Sa-tengah jam, ta' boleh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Berapa minit? Sa-puloh minit, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit bolehlah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyebut satu perkara di-mana mengikut Rancangan Malaysia Yang Pertama dahulu kita telah menchanangkan kapada ra'ayat dengan dengongan² indah, ia-lah tentang pemasaran pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya sa-hingga hari ini kita nampak Kementerian Pertanian maseh belum berjaya untuk memasarkan hasil² yang di-tanamkan oleh pehak petani² kita di-Malaysia ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, pernah terjadi di-mana, saya sebutkan, ia-itu di-negeri Trengganu, buah limau terlalu banyak di-sana. Apakala banyak bertimbon² di-pasar dengan harga-nya sa-ringgit 15 biji dan kadang² sa-ringgit 20 biji. Pernah saya menyuarakan kapada pehak yang berkenaan, "Apa yang perlu di-buat oleh tuan sa-bagai sa-orang yang bertanggung-jawab, Pegawai Kerajaan berhubong dengan pemasaran

buah² limau ini". Tetapi jawapan-nya mendukachitakan kerana tidak ada arahan, tidak ada peruntukan daripada pehak Kerajaan.

Jadi, ini satu perkara yang saya sebut di-mana pehak Lembaga Pemasaran Pertanian atau pun Kementerian Pertanian maseh belum berjaya mengatasi masalah ini. Saya minta pehak Kementerian Pertanian berusaha bersungguh² untuk menjalankan usaha pemasaran ini. Mungkin kegagalan² atau pun kelambatan² seperti ini di-sebabkan oleh susunan jentera-nya tidak begitu rapi, mungkin meletakkan pegawai² yang berkenaan itu bukan tempat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, memang selalu kejadian begitu kerana pehak Kerajaan memikirkan sa-suatu yang di-fikirkan oleh-nya. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya fikir pehak Kementerian Pertanian sunggoh²-lah menjalankan usaha seperti ini dan sekarang pula datang lagi musim durian. Tiap² tahun pun begitu juga keadaan-nya. Rancangan ada iklan surat khabar-nya lebeh, tetapi hasil-nya tidak ada, tidak nampak dengan sa-chara kelihatan mata kasar, tetapi kalau baca dalam rancangan ada, Tuan Yang di-Pertua.

Sa-lain daripada itu, saya ingin menambahkan bahawa dalam Kementerian Pertanian ini ada juga di-namakan satu Lembaga Penyelidikan Pertanian atau pun MARDI ia-itu untuk menyelidek dan menyiasat bagaimana satu perkara ini akan di-proses, atau satu perkara ini akan di-majukan, di-modenkan. Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga hari ini pun rancangan seperti itu tidak ada, tidak nampak, hilang dengan keadaan begitu, dengan keadaan iklan² seperti itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya minta kapada pehak Kementerian mengawasi hal ini dan menjalankan dengan sunggoh², sebab sa-hingga hari ini boleh di-sebut lagi ia-lah limau juga. Kita beli limau daripada Siam. Siam bawa limau ka-sini tahan sa-hingga sa-bulan, tetapi limau di-tempat kita

Tun Dr Ismail: Standing Order 36 (1) Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan musim durian, musim limau, rasa saya chukop-lah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apa yang perlu, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Masa yang mustahak itu kalau di-khaskan, kalau di-sebut tegoran² dalam perkara yang di-hadapan ini ada-lah lebih baik daripada di-sebut tentang limau dan durian.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya minta supaya Kementerian Pertanian berusaha untuk kemajuan orang kampung. Jadi, kita tidak mahu-lah terdengar bunyi macham gajah, tetapi berjalan macham semut. Ta' mahu lagi. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1971, yang di-anggarkan sajumlah \$328,918,407 yang di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya rasa Anggaran Pembangunan yang di-bentangkan ini kalau mengikut kacha mata kita bahawa memandang dan mendapati bahawa tidak-lah begitu banyak kalau di-bandingkan dengan tujuan²-nya.

Bagi saya, pada petang ini, tidak-lah banyak hendak berchakap kerana hendak mementingkan masa daripada mengkritik yang tidak berfaedah dan membuat sokongan² yang berguna kepada negara.

Saya suka menyentoh tentang latehan belia² kita yang mana mengikut dasar ekonomi dan mengikut Rancangan Malaysia Yang Kedua, ia-itu belia² pada masa yang lepas ini apa yang saya dapati ia-lah pendek sangat kursus yang telah di-beri itu dan tidak begitu intensif. Dato' Yang di-Pertua, saya harap biar-lah lama dan masak belia² kita di-beri sa-suatu kursus dan senang pula bagi orang² yang hendak menerima-nya kelak. Bagi sekarang sungguh pun baik, tetapi saya minta biar-lah di-panjangkan sedikit lagi kursus² yang di-dapati dan juga jangan kita banyakkkan sangat memberi kursus² dari hal pertanian, kita hendak-lah memberi kursus² lain yang mana kita pandang sekarang kursus² kerja² pembenaan. Kerja² ini bagi masa yang hadapan nampak-nya cherah. Oleh kerana negara kita sangat dan sedang membangun dengan begitu deras-nya. Apa yang saya dapati sekarang, Dato' Yang di-Pertua, di-Dusun Tua mithal-nya meshen² rengan

pertanian banyak di-ajar di-sana dan kita hendak-lah mengubah kepada meshen² yang berat pula. Pada masa² yang lepas saya dapat tahu hanya tiga atau empat bulan sahaja di-beri kursus dan sa-lepas itu di-charikan-lah peluang² untuk di-masokkan kerja.

Dato' Yang di-Pertua, jadi dengan jalan ini sungguh pun kita dapat memasoki disepren kepada belia² kita tetapi kita kurang memberi pritikal rasa saya. Oleh itu saya harap kita panjangkan lagi kursus ini biar-lah memakan belanja sedikit lebih asalkan memudahkan hati orang² yang menerimanya.

Dato' Yang di-Pertua, satu lagi dalam masaalah pertanian. Saya tidak mengerti dan mengapa tanah² tidak dapat di-tanam anggor, sedangkan jiran kita Thailand dapat menanam-nya. Jadi, saya harap Kementerian yang berkenaan dapat membuat penyiasatan yang segera dan si-barkan penerangan berkenaan dengan-nya dengan sa-chepat mungkin supaya dapat ra'ayat negara kita ini menambah satu hasil tanaman-nya. Kalau negeri orang sama hawa-nya, tanah-nya boleh tanam dan saya tidak mengerti mengapa kita tidak boleh. Jadi saya harap dapat Kerajaan membuat satu kajian tentang tanaman anggor ini.

Yang akhir sa-kali, Dato' Yang di-Pertua, di-dalam Dewan yang mulia ini saya suka mengatakan satu perkara, ia-itu mengenai Lawatan Sambil Belajar di-antara Malaysia Timor dan Malaysia Barat. Rasa saya sudah lama saya tidak dengar di-antara pemimpin dan ra'ayat pergi ka-sana oleh kerana yang biasa selalu melawat daripada Malaysia Barat ka-Malaysia Timor dudok di-hotel² tetapi saya berpendapat kalau-lah ada ranchangan dalam anggaran ini bagi ra'ayat Malaysia Barat atau di-Malaysia Timor melawat di-sini dengan ada-nya Ranchangan Malaysia Yang Kedua untuk hendak membangunkan ra'ayat kita dan negara kita, ra'ayat² daripada Malaysia Timor boleh dudok di-rumah² orang² kampung yang sudah di-sediakan ranchangan di-dalam kawasan Malaysia Barat. Dan begitu juga ra'ayat di-Malaysia Barat pergi ka-Malaysia Timor boleh dudok di-rumah² atau penduduk² di-Malaysia Timor maka dapat-lah di-antara dua buah Barat dan Timor kita

dapat dalam satu Malaysia dapat memahami oleh kerana kita hendak membangunkan ra'ayat kita di-masa yang akan datang (*Tepok*).

Dan lagi patut-lah juga, Dato' Yang di-Pertua, di-kaji sa-mula berkenaan dengan soal Ketua² Jabatan ia-itu berkenaan dengan Ketua² Jabatan ini, saya fikir sa-orang pegawai yang berkhidmat di-pesarakan 55 tahun kapada 45 tahun sahaja dengan di-beri peluang mereka bersara sa-chara suka rela sa-bagaimana Anggota² Polis, apa lagi pada mereka yang berkhidmat yang kurang chergas dan banyak kelemahan bagi menjalankan tugas² mereka. Dan kita akan dapat pegawai² yang muda yang dapat pengetahuan yang tinggi sesuai di-zaman teknologi dan sain, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Anggaran Pembangunan tahun 1971 dan saya ingin mendatangkan sedikit sa-banyak pandangan. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kapada Kerajaan supaya mengutamakan ranchangan² yang ekonomik ia-itu ranchangan² yang boleh mendatangkan faedah terus kapada orang² yang di-luar bandar yang akan menerima ranchangan² itu. Dan ranchangan² yang merupakan kemudahan di-harap-lah kalau tidak berapa penting akan di-tanggohkan ranchangan² ini supaya dilaksanakan ranchangan² yang merupakan pembangunan sa-chara ekonomik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya sendiri berkenaan dengan pelancharan ranchangan² ini kita dapati, kita terlampau mengikut kehendak orang kampung kadang² kita adakan ranchangan² itu, tetapi malang-nya ranchangan yang di-beri kapada orang kampung itu tidak di-gunakan, mithal-nya Dewan Orang Ramai, Sekolah² Ugama pun saya dapati yang kita telah dirikan orang kampung tidak gunakan. Oleh itu, saya berharap pehak Kerajaan akan meng-gambil berat di-atas perkara ini supaya ranchangan² ini mesti-lah di-kaji dengan halus. Jikalau orang kampung gunakan atau ada minat hendak gunakan baharu-lah kita berikan ranchangan itu.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, masalah petani² kita di-seluruh Malaysia ini, mengikut perangkaan, saya sebutkan ia-itu 60% daripada mereka ini tidak mempunyai tanah sendiri ini-lah masaalah yang besar

sa-kali yang patut Kerajaan memberi satu keutamaan untuk membolehkan petani² yang tidak mempunyai tanah ini memilek tanah sa-chara ekonomik sa-kurang²-nya sa-orang keluarga tiga ekar. Jadi pehak orang yang tidak mempunyai tanah kita ada satu perbadanan ia-itu M.B.B.S. yang mana Kerajaan sendiri memberi peruntukan dan tanpa di-kenakan faedah M.B.B.S. ini beri pinjam kapada orang yang hendak memileki rumah. Saya berharap pehak Kerajaan akan mengadakan satu perbadanan yang sa-rupa dengan M.B.B.S. dengan di-namakan Perbadanan Bantuan Milek Tanah supaya dapat perbadanan ini beri pinjaman kapada petani² yang tidak mempunyai tanah sendiri dan dengan bayaran beransor sa-lama 15 atau pun 20 tahun dengan di-kenakan faedah yang rendah jangan-lah terlampu tinggi mengikut bank; saya shorkan sa-takat 6% dan dengan sa-chara ini dapat-lah petani² kita yang tidak mempunyai tanah sendiri memileki tanah yang mana mereka itu telah pun membuat bendang atau sawah sa-lama berbelas tahun dan berpuluh tahun, atau pun beli daripada orang yang suka hendak menjual tanah supaya mereka ini dapat memileki tanah sendiri.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap-lah kapada Kerajaan mengenai ranchangan hendak mengadakan kawasan perdagangan bebas di-Pulau Pinang. Saya harap ranchangan ini akan di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin dan saya berharap kapada pehak PERNAS akan berhubung dengan Kerajaan Pulau Pinang atau pun Kerajaan Persekutuan supaya menguntukkan satu kawasan khas untuk orang bumiputra dan orang Melayu hendak menjalankan perusahaan perdagangan dengan Indonesia, ia-itu di-utara Indonesia, Medan supaya dapat pehak orang² Melayu kita buat urusan perdagangan dengan orang² di-Sumatra dan juga dapat mengadakan kilang untuk memproseskan getah mithal-nya dan barang yang lain untuk di-jual keluar negeri. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, thank you very much for giving me this opportunity to have another bite at the cherry of the Annual Development Estimate!. I would like, Sir, to touch, with your kind permission, if I may, on this very important issue on the

reply by the Honourable Deputy Minister of Finance and Acting Minister of Commerce and Industry. When he replied yesterday, he said that the assistance to the have-nots could be looked after by the banks. I would like to make a submission here, Sir, that any person or any firm who is able to get any...

Tun Dr Ismail: (*Dengan izin*) That has nothing to do with the debate going on now. If he were to comment on the Minister's reply, that is entirely out of the debate. Standing Order 36 (1) says that a member shall confine his observations to the subject under discussion.

Tuan Yang di-Pertua: I agree with the Minister. You have such short time in which to put forward your arguments. Don't go off your track.

Dato' James Wong Kim Min: I would just like to make a comment, Sir, that anybody who can get a loan for development from a bank, Sir, is quite a well-off man actually. Anyway, Sir, I would like to touch here briefly in connection with development projects.

I would like to make a plea here, Sir, for the Limbang Airport. I notice there is no provision made in the Development Estimates for that. The Limbang Airport is notorious, Sir, in that it has seen the death of 2 planes already, 2 Twin Pioneers in fact and I think that is the best recommendation for the need of a new airport, and I ask the Government to give some consideration to that.

Another point which I would like to bring again, Sir, for the attention of the House is on the rural development projects. I do hope, Sir, sincerely that more assistance would be given to rural development projects for Sarawak. This matter has already been brought up by two speakers of the House before.

The other point I would like to raise, Sir, is in connection with the uses of rubber. The Honourable speaker on the right who spoke earlier on has touched on this subject of the uses of rubber. I would very strongly, Sir, request that more efforts should be made in this direction because it is no use asking for higher price for rubber if there are lesser uses of rubber because of other substitutes.

Mr Speaker, Sir, I would like here again to touch on one very important thing and this is

in connection with our newspapers. Development does not only mean development on the ground, Sir; it also means development of the news media as well. The Ministry of Information in this respect is doing a very good job, but I would make a plea here. Sir, I hope the *Straits Times*, which claims to be "the national newspaper" of Malaysia, will do their part in this respect in bridging the gap between East and West Malaysia. Normally there is very, very little coverage, Sir, in the newspaper on East Malaysia, and I hope that this matter would be taken into account by the newspaper which claims to be the national newspaper, and I hope the Minister of information would also use his kind influence to give them sufficient news in this respect.

Finally, Sir, I would like to make one plea: that development, must be above party politics. I would like to say here, Sir, that I congratulate the State Government of Sarawak, although we are in the Opposition there, that they have made a very firm statement at the last Council Negri meeting that development in the State of Sarawak would be above party politics and we in the Opposition would adhere to that—that the misery of the people and the development of this country and development of the people must not be a matter of party politics—and I hope, Sir, that on the national level also this would be so. Thank you, Sir.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to support the Motion Standing in the name of the Timbalan Perdana Menteri, and in view of the large industrialisation programme throughout our country. I would like to touch on the hazards arising out of industrialisation.

There is no doubt that Malaysia, like all developing countries, regard industrialisation as a key to happiness and prosperity and also as one of the means towards the eradication of poverty. However, industrialisation brings with it many other problems, such as industrial accidents and disease and pollution of the environments. Obviously, this is a subject which not only concerns industrialists and the Ministries of Labour and Health but every responsible citizen in this country. As such, we Parliamentarians must note the growing concern of our people and legislate or take action accordingly. There is hardly any need to argue the case for the

need to form industrial safety and health councils in this country and in the same breath, I wish to congratulate the pioneers who have formed the first council here in Selangor. But we must not stop here, Sir. We must now sit down to formulate a national-programme of action. I emphasise the word 'now' for 'now' is not too late and neither is it too early. I wish to emphasise the phrase "national programme of action" also because our industrial estates are not only in Selangor but in all parts of the country and with the progress of the Second Malaysia Plan, we make inroads even in the rural areas. I come from the constituency of Bagan which supplies ample evidence of the Government's efforts to improve the lot of the people. Our large industrial estates of Prai and Mak Mandin are fast expanding and if industrial safety and health councils are not formed to keep a check on industrial accidents and hazards, very soon I shall have to spend all my time listening to the tales of woes of lost arms and legs and fingers. In fact, I believe that an increasing pace of industrialisation without a parallel development in industrial safety measures might be likened to a small Vietnam War in terms of loss of lives and limbs.

I am glad to announce also that organisational moves to form industrial safety and health councils have already been put into action by voluntary bodies in Butterworth and I would strongly urge the Government to give a categorical assurance to these voluntary bodies that they would be assisted both financially and in terms of expertise by the Government. I hope that in other

industrial areas in Malaysia like Bayan Lepas in Penang, Kangar in Perlis, Tasek, Lumut and Kamunting in Perak, Johore, Negri Sembilan and all other industrialising States, there are similar moves being initiated to form industrial safety councils. However, if these moves are not forthcoming from voluntary organisation, or the private sector, I earnestly suggest that the Government initiate moves in the direction either by (1) promising financial assistance to voluntary organisations thereby encouraging them to undertake this very civic-minded responsibility, or put up a blueprint on how to form such a society and emplace the responsibility of initiating these moves on the District Officers, or Labour Commissioners or Health Officers in industrial districts.

Finally, I must say, Sir, that I cannot emphasise more on the urgent need for these councils in industrial areas. I must also remind Members that accidents do not happen; they are caused and thereby preventable. However, for every worker who is injured, he is not alone in his suffering. Productivity suffers and the family of the worker suffers with him; and if one of our major responsibilities as Parliamentarians is the alleviation of suffering, then we should see that our responsibility in this instance is very clear-cut. Thank you.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tangguhkan pada pukul 6.30 petang.

